

Digital Reissue

Cerita Budak Design

Liku-Liku Kehidupan Seorang Creative Designer

hdjklmnopqrst
Formerly H. Benjamin

Cerita Budak Design

Liku-Liku Kehidupan Seorang Creative Designer

hdi jklmnopqrst
Formerly H. Benjamin



Studio HDJ & the403.
63000 Cyberjaya, Selangor, MY

Penulis
H. Benjamin

Rekabentuk Kulit/Text
H. Benjamin

Penulis & Designer Digital Reissue
hdjklmnopqrst
(masih orang yang sama)

Edisi Digital Reissue © *hdjklmnopqrst* diterbitkan oleh the403., 2026
© H. Benjamin, Terbitan & Cetakan Asal, 2015 oleh Kopi Press

Hak Cipta Terpelihara. Boleh dimuat turun, boleh dibaca, boleh dikongsi, boleh forward dekat member—asalkan tidak dijual, tiada transaksi tunai atau apa-apa bentuk transaksi ‘*I help you, you help me*’. Tidak dibenarkan untuk tukar nama penulis, tidak suka hati memotong untuk diambil bahagian-bahagian tertentu di dalam buku ini untuk dijadikan content sendiri. *Simple rules for a free thing*. Kalau nak buat juga semua yang di atas sebab nak kongsi dengan dunia kebaikan buku ini, mohon tag penulis atau penerbit digital di semua social media content itu dipos.

Bukan untuk dicetak atau dijual.

Diterbitkan semula dalam digital.

403.

Diedarkan secara digital melalui www.what403.com
—atau mana-mana the403. rasa nak letak.

Untuk mereka yang merangkak-rangkak mencari kekuatan diri untuk terus berdiri dengan dua kaki mengharungi arus duniawi. Tahulah, bahawa kau tidak bersendirian.

*Kama & Yusuff. Mak & Abah.
Fatin, Hazmi, Farah & keluarga semuanya.*

Serta kawan-kawan.


Kau tahu kau siapa.

Cerita Budak Design

- ## Liku-Liku Kehidupan Seorang Creative Designer

Isi Kandungan

-
- 10. Macam VIP—Entahlah**
 - 11. Rahsia—Kau, Manusia Lemah**
 - 12. Kau Pakai Body Apa Sekarang?**
 - 13. Benda Kualiti Tak Datang Dalam Harga Murah**
 - 14. Buang Kata ‘Boleh’ dari Kamus Kau**
 - 15. Travel the World**
 - 16. Dah Berjaya Sangat Ke, Siap Tulis Buku?**
 - 17. Noktah**
 - a. Si Budak Design**
-



*Buat kau yang merasakan untuk mencapai
bintang itu adalah satu kemustahilan,
tahulah bahawa satu masa dahulu, untuk
manusia ke bulan itu merupakan satu idea
yang digelak-gelakkan. (Ya ke?)*

*Cuba sasar setinggi langit. Paling tidak
pun, kau pasti jatuh atas awan.*

Terpaksa ataupun Tidak

Bismillah. Dengan Nama Allah.

Assalamualaikum dan Salam.

Pertama sekali, ucapan tahniah aku kepada kau kerana berjaya memiliki buku ini dengan rasminya walaupun aku tahu kemungkinan besar juga kau adalah mangsa-mangsa ugutan dan paksaan samaada dari aku sendiri, penerbit mahupun dari kalangan 'stokis-stokis diperlukan segera' dalam membeli buku ini.

Pertamanya, ucapan maaf aku huluskan kepada kau di atas kekasaran yang diperlakukan oleh mereka-mereka yang disebutkan di atas. Mohon jangan salahkan mereka - malah - bukan salah mereka pun bila mereka memperlakukan tindakan kekerasan tersebut, kerana apa? Ya, marilah kita sama-sama menerima hakikat ini bahawa, mereka juga ditipu sama seperti kalian ditipu oleh penipuan yang dilakukan oleh creative advertising buku ini bahawa buku ini adalah buku yang wajib dimiliki, book of the year dan sebagainya. Sedangkan kita tahu yang hakikat buku ini hanyalah sebuah buku yang terkandung di dalamnya isi-isi yang kononnya adalah kisah dari seorang traditional background graphic designer yang cuma berpengalaman tak lebih 10 tahun pun lagi.

Maafkan aku kalau buku ini tidak menepati citarasa yang kau harapkan. Apa yang cuba untuk aku sampaikan dari buku ini ialah bukan untuk menceritakan dengan cara yang berlagak bahawa aku adalah seorang yang berjaya di dunia apatah lagi di akhirat.

Ceritanya di sini ialah aku cuma manusia biasa yang masih lagi merangkak-rangkak dalam mencari kekuatan diri untuk berdiri dengan dua kaki mengharungi kehidupan di dunia yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Apa yang aku harapkan dari kau ialah untuk kau faham bahawa di atas dunia ini akan ada sentiasa manusia yang kalau tidak lebih susah atau senang dari kau, mereka adalah sama saja ceritanya, situasinya dan liku-likunya dengan kau sendiri. Aku tidak ada cerita-cerita yang 'sangat mengubah dunia' yang boleh aku kongsikan. Cuma apa yang aku ada ialah cerita-cerita jalanan yang kau sendiri pun mungkin lalunya setiap hari.

Hakikatnya, aku manusia biasa yang mahu berkongsi cerita yang mungkin satu hari nanti akan ada dari kalangan kau boleh terinspirasi untuk melalui kehidupan di dunia ini dengan jiwa yang lebih kental dan bersemangat. Jangan baca kalau kau rasa buku ini cuma buang masa kau. Jangan baca kalau buku ini tidak menepati citarasa kau. Tapi bacalah kalau kau mahukan satu cerita yang biasa-biasa saja tapi dalam masa yang sama, kau juga mahu tahu yang kau tidak bersendirian di atas dunia ini.

Dalam kesempatan ini, aku ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu dan bapa aku kerana telah membawa serta mendidik aku untuk menjalani kehidupan di atas dunia ini sebagaimana aku jalannya sekarang. Juga kepada isteri aku, Kama—jutaan terima kasih kerana sentiasa ada di sisi tak kira senang mahupun susah, walaupun aku tahu kebanyakan masanya penuh cabaran and for that I appreciate you. Juga kepada kau yang sudi untuk menyokong aku dalam membeli buku ini walaupun dalam keadaan dipaksa. Maaflah kalau ada bahasa-bahasa yang aku gunakan sedikit berbunyi kasar, tapi itu pun bergantung kepada perspektif masing-masing, cara kau menginterpretasikan apa yang aku tulis dalam buku ini.

Last but not least (patutnya awal tadi lagi), saving last for the best, syukur aku ke hadrat Allah S.W.T di atas segala kurniaan rezeki serta rahmat-Nya, juga kepada junjungan Baginda S.A.W di atas perjuangan Baginda.

Semoga buku ni datangkan manfaat buat semua.

Hold up! Test—test.

Salam semua. Ini aku, jauh di masa hadapan, tahun 2026. Banyak benda yang dah jadi. Ingat beberapa tahun lepas, kita terkurung dekat rumah? That was something else, right? Anyway—

Aku tak tahu kenapa aku letak banyak betul effort untuk keluarkan digital reissue buku Cerita Budak Design ni. Benda paling senang aku boleh buat, ambil sahaja softcopy dari original terbitan dan cetakan pertama, upload online dan share link untuk orang download. Aku dah pernah buat pun sebelum ni few years back. Tapi tidak ya. Aku habiskan masa yang lama untuk buat tambahbaik. Well, it all started lepas tiba-tiba aku share sikit dekat Threads and people engage and then a few weeks or months later, tiba-tiba ada lagi orang yang randomly share about the book. Dan ada yang minta untuk baca.

So, I guess, why the hell not?

Mulanya memang ingat nak upload saja dekat mana-mana (macam Google Drive) dah kongsi link. Tapi lepas tu aku fikir, gila pemalas dan itu bukan cara aku. Cara aku, kena ada effort lebih sikit. Walaupun aku nak bagi percuma sahaja. Tak buat duit pun, tapi suka melebihi-lebih. Well I hope, it was worth it. Untuk aku, aku puas.

Kalau ikutkan banyak sahaja lagi yang aku nak buat, contohnya macam tambah atau ubah penulisan aku yang dah berusia lebih 10 tahun ni. Sebab bila aku baca balik, badan aku merenyam dan aku persoalkan diri sendiri—kenapa aku macam ni dulu?! Tapi, itulah dia juga perubahan seorang creative designer. Tak kira dah berapa tahun masa berlalu, bila kau tengok balik kerja-kerja kau masa jadi student atau tahun pertama kau jejakkan kaki dalam industri, aku yakin jiwa kau meronta-ronta tengok kerja-kerja lama kau dulu, betul? Itu belum kira kalau ada kata-kata pujangga yang entah apa-apa kau pernah tulis dulu. Malu gila!

But, at the end of the day, it's still who you are. And seeing how you've been back then and compare them to who you are today, aku rasa kau pun boleh cukup bangga tengok diri sendiri yang dah progres jauh dari awal-awal kau mula dulu, kan? Samalah dengan buku edisi Digital Reissue ni. Aku ada ubah, tapi tak ubah banyak. Happy reading.



TO OUR
E
Fi
ET.COM

CAMDEN
MARKET
.COM

REALLY
GOOD THINGS
COMING SOON!

Liku-Liku Kehidupan Seorang Creative Designer



Mari Bersuai Kenal. Nama Aku—

Empat tahun sudah—sekurang-kurangnya pada saat aku sedang merangka dan menulis intipati buku ini—sudah empat tahun aku berkecimpung secara rasmi dalam dunia yang sedang aku berada sekarang. Dunia apa? Secara mudahnya untuk aku, aku namakan dunia ini sebagai dunia industri kreatif. Atau dalam bahasa saintifiknya, Creative Industry. Itu secara mudahnya. Kalau kau mahukan sesuatu yang lebih spesifik, kategori-kategori yang boleh aku masukkan dalam industri ini adalah sangat besar. Tapi, di antara kategori yang big player adalah seperti animasi, pengiklanan, percetakan, fotografi, penerbitan buku malah boleh jadi juga seorang pelukis. Industri hiburan pun ada sedikit bahagian cabangnya dalam kategori industri kreatif, seperti audio visual dan seumpamanya tapi hal-hal seperti gosip artis, mungkin boleh dikeluarkan.

Bila sudah secara rasmi menjejakkan kaki dalam dunia creative industry, hidup menjadi lebih mudah. Mudah bagi aku di sini bukanlah bermaksud mudah sebab dah tak perlu nak menghadapi final year project umpamanya, ataupun mudah menghadapi kos-kos seharian hidup, tidak (saat dan ketika aku sedang menulis buku ini, RUU GST baru sahaja diluluskan), tetapi ‘hidup lebih mudah’ di sini membawa kepada satu situasi, mudah untuk orang seperti aku menerangkan apa yang aku lakukan dalam kehidupan seharian aku just to make a living. Pada bahagian itu, aku takrifkan sebagai ‘hidup menjadi lebih mudah’.

Kenapa begitu?



Taman Botani, Putrajaya

Begini alikasinya. Sebenarnya ini adalah dilema golongan industry player seperti aku bilamana aku masih lagi bergelar seorang pelajar tetapi orang di sekeliling aku sudah mula bertanyakan soalan tentang pilihan masa depan aku. Soalannya cuma semudah, kau study apa sekarang?

OK, sebelum aku pergi lebih jauh, adalah lebih afdhal untuk aku letakkan situasi ini dalam konteks yang betul dulu. Persoalan begini diajukan kebiasaannya bukanlah oleh semua orang. Cuma spesifik kepada golongan tertentu sahaja. Aku tak ada nama rasmi untuk mereka. Boleh jadi, mereka ini adalah kawan-kawan sekolah yang sepanjang hidup mereka cuma tahu ada satu sahaja profesyen dalam dunia. Kalau tidak doktor, engineer. Kalau tidak engineer, akauntan. Boleh jadi juga, mereka ini adalah pakcik dan makcik atau kerabat keluarga yang mahukan anak-anak mereka nanti jadi seorang, kalau tidak doktor, engineer atau akauntan. Harsh as it may seem, but these are facts. Faktanya tidaklah fakta rasmi yang dikeluarkan oleh mana-mana badan kerajaan atau badan bukan kerajaan, tapi faktanya datang dari pengalaman aku sendiri. Tinggi keyakinan aku bahawa kalau kau tanya mereka di sekeliling kau yang berada dalam industri yang sama seperti aku, mereka juga mungkin, paling tidak pun pernah sekali berhadapan dengan golongan yang aku terangkan tadi. Boleh tanya, kalau kau ada kenal sesiapa.

Jadi, berbalik kepada cerita asal aku tadi, saat orang mengajukan soalan 'kau study apa sekarang?'. Maka aku dengan bangganya akan membalas dengan memberikan satu jawapan yang pada aku sendiri sudah cukup bernas. Tapi hakikatnya untuk aku tahu apa sebenarnya pemahaman mereka terhadap penerangan jawapan aku tadi ialah hanya dengan respon mereka sendiri.

"Oh? Minat lukis, ke?"—adalah respon yang agak baik. Cuma, kau kena tahan dengan raut muka mereka yang cukup judgemental. Kalau, "Oh, macam adik aunty, uncle Foad dululah. Selalu sibuk dengan deadline 24 jam"—pun sudah cukup baik. Cuma, bila respon mereka ada kaitkan dengan anggota keluarga mereka sendiri, bersedialah untuk berhadapan dengan cerita-cerita berkait anggota keluarga mereka yang cukup buat kau rasa, you are being judge. "Dulu kerja dekat advertising agency apa entah, lepas tu berhenti, buat bisnes sendiri. Tak tahu apa jadi, sekarang jadi

installer Unifi dekat Puchong.” Tak salah buat kerja-kerja macam installer Unifi atau Coway atau seumpamanya ni. Yang salah bila orang judge kerja macam ni kerja yang tak ‘berjaya’.

The best part is bila dapat respon dengan soalan-soalan seperti “Kerja apa tu nanti?” Ya, inilah dia respon yang menjadi kepada natijah utama kepada kenapa aku katakan pada awal-awal tadi, bila dah masuk industri, hidup menjadi lebih mudah.

Kenapa? Sebab aku sendiri pun tak tahu apa aku akan buat bila aku dah mula bekerja nanti. Betul. Masa aku dekat MMU Cyberjaya dulu, setiap kali cuti trimester dan balik kampung untuk Hari Raya, bila ada kenalan (kebanyakannya kawan-kawan lama sekolah) yang bertanya sepertimana situasi di atas, aku tak tahu nak beri jawapan apa. Adakah aku akan buat advertising concept untuk Pulau Sipadan sepertimana aku lakukan untuk final year project aku dahulu? Atau apa kerja aku sebenarnya?

Yalah, cuba kau bayangkan, bila ada kawan-kawan atau famili yang bertanya dan aku memberi jawapan seperti branding, fotografi, below the line, above the line dan sebagainya. Aku cuma akan membosankan mereka. Contoh kalau kau ada sepupu yang kerja doktor. Mana yang lagi menarik minat kau untuk dengar? Dia bercerita tentang nama-nama penyakit, nama-nama saintifik organ badan yang dia belajar dari buku teks, ataupun dia bercerita tentang perihai seminggu sebelum Raya haritu, ada seorang patient lelaki yang dia kena attend untuk dikhabarkan apa penyakit yang dia hidap, tapi rupa-rupanya, ada doktor houseman buat salah, dia tertukar fail dengan pesakit wanita lain yang mengandung. Tak panik satu keluarga pesakit lelaki tu?

Design for People.

Design for People

09 SEPTEMBER

The 2nd 3rd 4th 5th 6th 7th 8th 9th 10th 11th 12th 13th 14th 15th 16th 17th 18th 19th 20th 21st 22nd 23rd 24th 25th 26th 27th 28th 29th 30th



Yang Empat, Projek DNA

Macam aku jugalah, kau nak dengar aku bercerita tentang apa itu branding, above the line, below the line atau kau nak dengar cerita design politik Pilihanraya Kecil (PRK) haritu? Bukan senang untuk buat orang faham kerja apa yang aku buat. Tengok isteri aku, dia akauntan. Ada ijazah dalam perakaunan dan sedang berusaha untuk habiskan exam sijil ACCA, sijil professional akaun. Setiap kali lepas aku ambil dia pulang dari kerja, isteri aku pasti akan bercerita tentang hari kerjanya. Bila dia mula mengeluarkan cerita dengan terma-terma akauntan, dia sendiri pun dah faham yang aku tak akan faham sangat walaupun dah seribu kali aku mendengar cerita yang sama.

Dalam situasi isteri aku sendiri pun dia sudah melihat hands on akan apa kerja-kerja yang aku lakukan setiap hari. Pernah satu masa, dia baru sahaja berhenti kerja dan berehat sementara mencari kerja baru, isteri aku sendiri ikut aku pergi berjumpa dengan klien dan sebagainya. Tapi, bila ada dari kalangan anggota keluarga dia yang bertanya aku pergi mana, aku buat apa, dia sendiri pun kadang-kadang tak tahu nak jawab apa. Jadi selalunya bila situasi-situasi macam ni berlaku, aku akan jawab dengan—Advertising; and the conversation usually ends there. Somehow, orang faham advertising itu apa. Tapi, betul-betul faham ke tidak, tak tahulah. Untuk isteri aku tadi, jawapan paling mudah untuk dia ialah aku pergi jumpa klien. Ada meeting.

Tapi kalau kau dalam animasi, senang—

Kerja mana sekarang?

Animator kat Animonsta.

Animonsta? Apa tu?

Umm..animation BoboiBoy tu.

Ooo, Boboi, makcik minat Harun Salim Bachik.

Kesimpulannya, adakah hidup lebih mudah bila dah masuk industri secara rasmi? Ya, sangat mudah sebab aku boleh cerita dengan lebatnya dekat semua orang tentang apa yang aku buat to make a living. Dapat pula kalau terlibat dengan projek-projek bersangkut-paut hiburan tanah air atau projek yang mendapat liputan meluas media, lagi senang kerja aku. Sebab kebarangkalian untuk mereka tahu cerita-cerita hiburan (baca: gosip artis) contohnya, adalah sangat tinggi.

Empat Tahun Yang Pantas

Sekejap saja sebenarnya empat tahun ni. Rasa macam dah banyak sangat benda lalui, itu yang sampai acah-acah nak tulis buku. Haha. Tapi, jangan salah sangka. Seacah-acah aku, acah bertempat dan kalau kau nak tahu, masa aku mula tulis buku ni (c.2013), pengalaman aku baru empat tahun. Sekarang dah kelima. Bila kau

habis baca buku ni nanti, mungkin aku akan update yang masa buku ni pergi print dan berjaya diterbitkan, pengalaman aku dah masuk tahun ke-10. Mana tahu!

I've been wanting to write a book ever since Sekolah Menengah lagi. Bila jiwa bergelora semangat nak menulis, aku mula menulis. Tapi seminggu dua kemudian, bila tersangkut idea, terus berhenti. Sebabnya, kandungan yang aku rasakan dah cukup banyak masa tu, sebenarnya tak adalah banyak mana. Semua usikan-usikan bisikan ego untuk menulis sahaja sebenarnya. Hangat-hangat tahi ayam, kata peribahasa.

Jadi, setelah berfikir panjang, kenapa tidak aku tulis buku tentang kisah hidup aku sebagai seorang Creative Designer? Tak perlu pun jadikan macam autobiografi orang-orang terkenal. Buat sahaja gaya penulisan sendiri, masukkan elemen-elemen kisah benar, pendapat peribadi dan kalau nak, boleh juga masukkan elemen fiksyen yang buatkan pembaca berspekulasi sendiri. Empat tahun tempoh panjang. Mesti ada 2-3 perkara yang cukup menarik untuk aku kongsi, betul tak? Kalau nak jadikan autobiografi, itu kisah hidup sepanjang zaman. Takkan nak tunggu dah bersara nanti baru nak mula menulis? Jadi, mula sekarang, terbit sendiri, kemudian paksa dan ugut orang beli dengan harapan mereka yang menjadi mangsa ugut boleh hadam sendiri kisah tauladan buku ini dan jadikan pedoman hidup mereka sepanjang zaman.

Ya, ini adalah idea yang bernas! Ayuh mula.

*Al-Fatihah kepada Allahyarham Harun Salim Bachik dan takziah kepada keluarga beliau.
Masa berita ni keluar, buku aku dah siap tulis dan dalam proses review dan proofreading.*

Jalannya Bermula Di Sini

Baiklah. Terus-terang aku katakan bahawa versi Chapter 3 yang kau sedang baca ini kemungkinan besar adalah versi-versi yang ke berapa pun aku dah tak pasti. Kali pertama aku menulis draf untuk chapter ini, isinya adalah berkenaan perkara-perkara yang terlalu rapat dengan kehidupan aku secara high definition. Super detail bro. Jadi atas dasar keselamatan, aku merasakan adalah lebih baik kalau aku tidak terlalu kait dan perincian dengan latar belakang kehidupan aku. Walaupun secara sinopsisnya chapter ini memang berkaitan dengan latar belakang aku, tapi, daripada aku cerita dengan perisa Extra Hot Peri-Peri, lebih baik aku berikan flavour cukup sekadar Lemon & Herb sahaja. Gempak tak aku guna Nandos dalam metafora aku.

Jadi, inilah dia draf akhir untuk bab ni. Tapi, incase aku berkeputusan untuk berikan flavour Extra Hot, well, just bare with the hotness-lah ya. Mungkin ada sesuatu yang berlaku yang buat aku tukar fikiran dalam aku buat keputusan dulu.

Baik.

Seperti semua pelajar-pelajar yang baru habis sekolah dan SPM, hari-hari yang mendatang sebelum hari keluar dan mengambil keputusan adalah hari-hari yang sangat membahagiakan. Betul? Bahagia sebab banyak duit untuk kebanyakan dari kau, mungkin. Tapi sekurang-kurangnya untuk aku, ianya adalah hari-hari yang sangat bahagia sebab buat kali pertama, aku terasa bebas, kot?

Bebas adalah perkataan yang sangat luas kalau nak diterjemahkan maksudnya. Ikut kepada terjemahan diri kau sendiri sebab lain orang, lain maksud kebebasannya. Bagi aku, bebas adalah hari yang mana aku tak perlu lagi untuk fikir dan beratkan diri dengan membaca, menghafal, menelaah, hanya semata-mata untuk dapatkan keputusan skor A.

Kau nak tahu sesuatu? Aku berharap sangat bahawa aku yang sekarang ini, diri aku yang sedang menulis buku ini boleh berada dalam diri pada saat dan ketika aku berusia 16, 17 tahun dulu. Lebih-lebih lagi dari segi cara fikir. Sebab kalaulah aku ambil sedikit lebih lagi % untuk berfikir serius tentang masa depan aku, mungkin aku boleh capai sesuatu yang lebih sedikit lagi dari apa yang aku ada sekarang. Adakah aku menyesal dengan apa aku ada sekarang? Tidak sama sekali. Aku bersyukur dengan apa yang aku ada. Aku cuma berharap bahawa cara fikir aku ketika dulu adalah sebagaimana cara fikir aku sekarang. Aku masih mahukan apa yang aku ada, cuma aku mahukan lebih sedikit awal lagi. Kau faham tak apa maksud aku? Lebih kurang macam ni, kau baru lepas habis salah satu kertas SPM kau. Kau mula tekun buka buku teks cuma 6 jam sebelum exam. Lepas habis exam tadi, kau terfikir dalam hati, kalau aku mula tekun buka buku teks 12 jam yang lalu, mesti aku boleh buat lebih lagi. Nampak? Aku cuma mahu perkara yang sama, cuma aku harap aku boleh mula awal sikit lagi sahaja. Ok dah, let's move on.

Tadi aku cerita pasal bebas. Cukuplah sampai situ rasanya sebab kalau aku membebel panjang lagi, nanti datang ke lain pula. Silap-silap masuk politik, jadi aku stop perihal bebas dekat situ—Bebas SPM, checked. Mengarut pasal nak awal sikit, pun checked. Kalau boleh untuk aku cerita dan memang aku akan ceritakan pun, lepas aku dapat keputusan SPM, aku tidak dengan cepat untuk segera fikirkan tentang masa depan aku. Kawan-kawan aku pada ketika itu mungkin sudah mula untuk apply sana-sini, tapi tidak untuk aku. Aku masih lepak goyang kaki menunggu untuk rezeki jatuh ke riba tanpa berusaha. Ibarat orang kaya besar, gitu. Kata orang, macam 'mak encik'. Tak nak buat kerja, tapi nak hasil.

Tapi, sampai satu masa, aku menggerakkan juga usaha aku untuk menghasilkan sesuatu. Aku mula survey segala apa

program-program diploma, foundation yang universiti seluruh Malaya ada tawarkan. Medic, engineering dan accounting adalah program yang langsung aku tak pandang. Mungkin kerana bagi aku ketika itu, aku adalah seorang yang rebellious, jadi aku nak jadi lain daripada yang lain. Buat di luar norma biasa kononnya. Ada sekali tu, mata aku pandang tepat dekat bioteknologi.

Tapi tak kemana pun. Salah satu sebabnya, bila aku tengok requirement paling asas, nak kena A dalam biologi, kimia dan fizik. Universiti mana entah, aku tak ingat. Belum apa-apa dah tunjukkan A-oriented semata-mata.



Sydney, NSW.

Jadi, fikir punya fikir, kemana aku nak pergi ni? Sampai satu tahap, aku rasa, minta kerja dekat McDonald's dan bina kerjaya dari situ sajalah, habis cerita. Oklah, cerita tu mungkin mengarut sikit sebab tak pernah jadi. Tiba-tiba satu hari, mak campak dekat muka aku (dramatisasi) satu keratan akhbar. Ya, aku exaggerate sikit sebab nak kasi nampak yang mak aku dah fed-up dengan perangai tak kisah pasal masa depan sendiri. Tapi ceritanya, keratan akhbar yang mak bagi tu pun lepas aku jumpa satu iklan akhbar dari universiti yang nampak menarik. Universiti yang baik aku tak sebutkan di sini. Tapi, apa aku boleh cakap, universiti tu rival MMU Fakulti Multimedia dan konsep iklan dia semuanya hitam belaka. Mungkin dia nak guna konsep black is beauty. Apa yang terjadi kemudian, dah jadi sebahagian sejarah hidup aku.

Tapi, kalau aku nak tambahkan sikit drama dalam cerita ni, keratan akhbar yang mak bagi tu, tarikh tutup application dah tamat 2 hari lepas. Berakhir untuk tarikh poslah. Sebab kalau aku pos hari ini, tak sempat nak sampai sebab pos ambil masa 2-3 hari. Jadi kalau aku pos, mungkin akan sampai minggu depan. Pendekkan cerita, aku kumpulkan segala dokumen dan sijil yang diperlukan. Fotostat, isi borang, dan masukkan dalam sampul surat. Hari esoknya, mak bawa aku buat kali pertama ke tanah gersang yang dinamakan Cyberjaya.

Aku speechless macam tak percaya, adakah ini keputusan pilihan jalan hidup aku? Deep down dalam hati aku, aku nampak this is my future. Walaupun aku tak sedar pada ketika itu. Tapi dalam masa yang sama, aku tak tahu what to expect. Nervous!

Future Bermula Baik

Seminggu sebelum tarikh masuk daftar, aku dapat panggilan telefon dari seorang kawan lama sekolah menengah rendah dulu.

Pelik, apahal mamat ni call aku, bisik hati.

Hello?

Weh, kau nak masuk MMU ke?

Eh, kenapa dengan MMU?

Aku pun masuk MMU weh!

Laa, yeke. Aku buat course Multimedia.

Samalah bodoh.

Lepas tu ada satu moment awkward of silence. Mana taknya, kurang lebih dekat 2 tahun tak contact, tiba-tiba contact balik, tak tahu nak cakap apa. *“Kau pergi pukul berapa esok? Sekalilah jom, mana tahu boleh dapat bilik sama nanti.”*

Aku tak sure lagi. Ikut parents aku.

Belum officially masuk MMU pun lagi, aku dah buat kawan, literally, sebab kawan yang telefon aku ni dah berapa tahun dah kot tak jumpa. Walaupun secara on paper masih berkawan, tapi tengoklah sendiri, sama-sama nak masuk universiti yang sama pun seminggu sebelum baru tahu. Itupun, aku sendiri tak berapa nak ingat macamana dia boleh tahu. Setahu aku ketika itu Facebook belum trending, jadi perangai manusia nak update segala benda dekat media sosial belum wujud lagi.

Kalau kau (kawan aku dalam cerita atas tadi, nama dia Faiq Azhar), baca buku ni dan kau ingat macamana kau tahu, kau boleh tulis dekat Facebook dan tag nama aku, ok bro?

Hajat untuk dapat dalam bilik yang sama tadi, tak



berlaku. Masa aku baru sampai dekat main hall untuk daftar nama, kawan aku tadi dah check-in bilik dah. Jadi, aku dah jauh ketinggalan. Tapi, taklah habis macam tu je cerita dia sebab bilik dia dengan bilik aku dalam blok yang sama cuma tingkat berbeza.

Maka bermulalah adventure aku untuk menjadi seorang creative industry player satu hari nanti. Anyway, kawan aku tu dah jadi suami dan bapa orang masa buku ni back and forth antara aku dengan publisher amend layout—tak tahu apa relevan fakta ni.

Misi Mengubah Dunia

Fast-forward terus kepada tahun pertama aku sebagai budak degree, sebab dalam Foundation tak ada apa yang menarik (bukan tak ada tapi aku tak ingat, haha), jadi kelas pertama degree aku ialah kelas subjek major untuk majoring yang aku pilih, Avertising Design (AD). Macam dekat mana-mana hari pertama sekolah, hari pertama kelas atas dunia ni, sesi suai kenal itu adalah sesi yang wajib. Aku tengok sekeliling kelas dan boleh tahan ramai jugalah muka-muka yang aku kenal. Ada sebahagian tu, bukan tak kenal, cuma tak kenal personally dan tak expect pun dia pilih major ni.



Dan dalam sesi suai kenal tu, lecturer suruh sebutkan nama dan sebagainya, oklah benda-benda basic, tapi ada satu soalan yang dia tambah untuk kitorang jawab. Why are you here and what do you want to achieve in AD? Terberak kau nak menjawab!

Giliran aku masih jauh, jadi banyak lagi masa untuk aku goreng jawapan. Aku cuba untuk dengar apa jawapan yang orang lain beri dan kebanyakan jawapan yang mereka berikan, aku tak dengar sangat pun sebab aku tengah panik nak fikir jawapan sendiri. Bila tiba giliran aku, aku mulakan dengan mukaddimah yang lecturer tadi minta, nama, dan sebagainya. So, what do I want to achieve in Advertising Design? I wanted to change the industry.

What kind of change is that? Ada pula soalan susulan. Tak cukup ke jawapan aku tadi, adoi. Dan jawapan yang aku beri untuk soalan susulan lecturer tadi, membuktikan bahawa aku adalah seorang true Malaysian.

“Umm, just changeeee,” dengan nada meneran.

Aku cerita detail dalam topik ke hadapan nanti.



Camden Town

Genetik Keturunan?

Aku tak tahu kalau perkara seperti kreativiti ini ada kebergantungannya pada genetik. Mungkin ada pengaruhnya tapi sejauh mana kesahihannya, tidak dapat aku pastikan. Belum pernah lagi aku jumpa kalau-kalau ada kajian khusus tentang perkara ini.

Tapi, katakanlah kita ambil argument yang kreativiti ni memang sepenuhnya bergantung kepada genetik dan bila dilihat bidang-bidang yang diceburi oleh famili sebelah mak aku, kebanyakannya akauntan dan jurutera. Sepupu pula semuanya muda-muda belaka lagi. Mereka yang sebaya aku ketika aku baru dalam tahun foundation dulu, ceritanya macam nak ke arah medical profession. Obviously, sekarang ni dah tak 'macam' sangat dahlah. Ada yang tengah buat housemanship dan yang sudah hujung-hujung tahun semester pun ada.

Jadi, mana datang darah kreatif ini? Sebelah abah aku pun, lebih kurang sahaja ceritanya. Tak banyak sangat beza. Tapi, aku teringat kata-kata lecturer aku, walaupun aku rasa sebenarnya dia ambil quote dari orang juga, yang mana dia kata kreativiti ni adalah sesuatu yang kita boleh pupuk dari bila-bila masa.

Begini ceritanya.

Zaman foundation adalah zaman yang gila, tulus ikhlas aku kata dari hati. Sebab, tak ramai yang dapat untuk bertahan selama setahun dan seterusnya naik ke degree. Memang zaman foundation adalah zaman yang lecturer betul-betul nak uji budak-budak mentah ni, are you passionate enough? Melihatkan ramai yang gugur kadang-kadang tak sampai pertengahan jalan pun, maka untuk memotivasikan diri mereka yang rasakan diri tu sangat tak kreatif, lecturer pun cakaplah macam aku sebut atas tu tadi.

Kreativiti ni boleh belajar. Praktis dan terus praktis lama-lama boleh jadi hebat. Lebih kurang macam pisaulah. Tumpul, asah lama-lama nanti tajam juga, Tapi passion, bukan benda boleh senang-senang cari, senang-senang nak dapat. Macam asah pisau tadi, pisau tumpul, batu asah semua dah ada. Tinggal untuk kau sahaja gerakkan tangan untuk mengasah. Kalau perasaan malas menguasai diri kau, malas nak mengasah pisau tumpul tu, boleh ke pisau tu nak tajam sendiri? Hebat perumpamaan aku.

Kalau baru setakat gagal sekali dah rasa nak putus asa, tak ada apa dahlah yang orang sekeliling kau bolehbuat. Sebab satu-satunya perkara yang boleh buat kau untuk terus pergi jauh ialah diri kau sendiri. Kau nak putus asa sekali pun terletak dekat tangan kau sendiri. Sejauh mana kau sanggup pergi untuk dapatkan? Kalau kau suka sesuatu, kau akan terus berusaha sampai dapat. Kalau baru cuba sekali dan gagal, kau sudah mahu putus asa, maknanya kau tak adalah serius sangat dengan apa yang kau nak tu, betul tak?

Dijadikan cerita, aku luluslah juga foundation aku. Tak ada subjek gagal dan lebih penting, tak perlu extend satu atau dua trimester. Takut juga masa tu sebab bila dah masuk trimester ketiga dan terakhir, ramai kawankawan lain dah mula fikir untuk ambil major mana bila naik degree nanti, masa tu baru nak tersentap. Barulah terfikir nak buat sebaik mungkin. Alhamdulillah, tak terlambat sangat sebab masa trimester satu dan dua pun tak adalah main-main sangat. Main, main juga tapi bila esok exam, malam ni study sungguh-sungguhlah.

Jadi, poin utama yang aku cuba nak sampaikan di sini ialah, sebagai seorang yang sekarang ni sudah berada dalam dunia industri, perkara utama yang buat aku boleh terus bergerak dalam dunia yang sangat, sangat, sangat kompetitif dan kritikal ini ialah bukan kerana aku secara semulajadi adalah seorang yang kreatif, tapi kerana aku seorang yang terlalu passionate dan suka dengan design. Walaupun kadang-kadang kemalasan itu adalah musuh utama aku, design dan aku adalah sesuatu yang tetap tak boleh dipisahkan. All things design.

Apa sahaja berkaitan dengan design, yang menarik mata aku, aku akan cuba untuk fahami dan kagumi semampu lama yang boleh. Kalau ada yang buat mata berdarah, perut sembelit, kanser, aku akan kritik dan bagi pandangan untuk improve.

Berbalik kepada cerita tentang passion tadi, bila kau tersungkur dan tergolek atas tanah, tak ada perkara lain yang boleh buat kau untuk betul-betul bersemangat untuk bangun dan terus berlari melainkan diri kau sendiri. Orang-orang sekeliling kau boleh cuba untuk bagi kata-kata semangat atau mungkin sekali-sekala tolong papah kau untuk bangun semula, tapi semua tu tak bagi makna apa-apa kalau kaki kau sendiri tak mendapat arahan dari central command (otak dan hati) kau untuk menguatkan semangat dan berdiri kembali.

Secara seriusnya aku cakap yang aku bukanlah seorang yang kreatif sangat pun awal-awal dulu. (Sekarang dah boleh nak perasan kreatif sikitlah.)

Actually, bergantung juga kepada takrifan kau terhadap apa itu orang yang kreatif. Dikalangan kebanyakan kau yang tidak terdedah dengan dunia arts & design ni biasanya akan mentakrifkan budak yang kreatif tu ialah budak yang pandai lukis. Lebih-lebih lagi kalau kau boleh lukis figure orang yang super realistik atau hebat lukis kartun comel-comel.

Kalau itu kreatif bagi kau, maka aku bukan.

Kau bagi aku pensel dan kertas dan suruh aku lukis orang, memang aku akan gagal segagal-gagalnya. Betul, aku bukannya reti nak lukis muka orang atau kartun comel-comel yang cool. Kalau setakat doodling perkararawak, mungkin tu aku hebat. Hebat pun, aku rasa tak adalah sampai kau akan komen doodling aku sebagai cantik.

Aku bermula kreatif dengan penulisan. I can't draw things that I imagine in my head but I can definitely imagine things beyond my imagination. Poyo sikit speaking sekali-sekala. Tapi memang aku mula dengan menulis. Masa tu, aku baru beralih dari sekolah rendah ke sekolah menengah. Pada masa itulah juga sebenarnya, aku mula untuk mengasah potensi diri aku untuk menulis. Aku ingat lagi dalam tingkatan 1 atau 2, aku mula mencari buku nota kosong dan sebatang pen berkualiti dan mula memenuhkan setiap garisan dalam buku nota tersebut dengan penulisan bebas. Free writing tapi adalah plot jalan ceritanya juga.

Ingat lagi masa zaman sekolah menengah, setiap kali ke kedai alat tulis, kalau kau suka untuk tambahkan lagi koleksi-koleksi alat tulis kau seperti pen baru walaupun koleksi pen dah bersepah.



Batu Kikir

Tak lupa juga examination pad baru yang konon-kononnya untuk salin nota dalam kelas atau buat peta minda. Konon-konon untuk akulah, untuk kau aku tak tahu. Adalah juga aku guna untuk salin nota dalam satu ke dua helai sahaja, yang lainnya aku buat..

Fresh new stories.

Ada spesifik jalan ceritakah untuk setiap penulisan aku tu? Tak ada. Apa yang aku buat, pertama sekali ialah aku dapatkan satu topik, contohnya seperti backpacking dan dari situ, perkataan demi perkataan mula mengalir masuk. Macam air mengalir dekat jamban. Ok, kurang sesuai perumpamaan aku di situ. Dalam masa yang sama, there was this thing called Hotmail. Ya, kau baca betul. Hotmail. Hotmail as in, kalau sekarang dia dah ganti dengan GMail.

Zaman tu, internet dah mula untuk berkembang luas di Malaysia. Emel adalah satu perkara yang sangat eksotik. Rare item. Semua orang kagum dengan fungsi emel yang cikgu kelas komputer ajar. Siapa sajalah yang ada dalam contact list aku, kalau bukan kawan-kawan satu kelas yang sampai sekarang masih lepak sama-sama lagi sekali-sekala. Lepas habis saja sekolah dan pulang ke rumah, aku akan habiskan masa mengarang entah apa cerita mengarut dan emel kepada kawan-kawan sekelas aku. Padahal tiap-tiap hari jumpa dekat sekolah. Isi kandungan emel-emel tu? Cerita-cerita yang aku tulis dalam bentuk skrip yang aku bayangkan setiap masa dalam kepala aku. Banyak juga kalau tak silap genre yang aku tulis. Mungkin ada genre ala-ala war heroes, ala-ala road travellers dan sebagainya.

Bila aku sudah jadi terlalu taksu dengan komputer hingga menghabiskan masa berjam-berjam merenung skrin gemuk itu, mak dan abah pun mula sekat tahap penggunaan komputer dekat rumah dan dari situ aku terpaksa untuk tidak dan tidak bukan menyalurkan addiction aku itu kepada cara yang lebih tradisional. Pen dan kertas tadi.

Aku tak tahu apa pandangan kau bila aku ceritakan bahagian ini dalam kisah hidup aku, tapi walau apa pun yang kau sedang fikirkan sekarang ni, tahulah bahawa aku bukan syok sendiri semata-mata. Sebabnya, semua orang (kawan sekelas dan mungkin ada beberapa cikgu juga) yang tunggu dan beratur untuk baca cerita-cerita itu. Tapi, aku teringat ada satu masa, sekolah

macam nak buat program minggu bahasa atau something like that. Cikgu suruh budak lelaki kelas aku buat macam sketch. Lakonan pendek. Jadi aku semangat tulis skrip. Bila aku bagi skrip tu dekat cikgu, cikgu kagum. "Pandai Ben tulis skrip? Simpan elok-elok. Mana tahu boleh jadi scriptwriter."

Syok sendiri sangat, kan? Bro, masa tu aku baru tingkatan dua. Tahun 1989 manalah ada sangat resources nak belajar tulis skrip bagai! 1989-lah sangat!

Itulah permulaan kisah ringkas aku dalam dunia kreativiti dengan cara penulisan. Zaman tu, apalah sangat cara yang ada untuk kau ekspresi diri kau. Facebook, Twitter, Instagram belum ada. Mark Zuckerberg pun baru masuk universiti. Lagipun dekat sekolah, semua perkara kau ditunjukkan jalan. Apa yang kau boleh buat dan apa yang kau tak boleh buat. Bila ada jenis budakbudak yang rebel sikit tak reti nak ikut kata dan buat cara sendiri ni, budak tu akan dimasukkan dalam kelas-kelas special case. Bila dah masuk universiti baru nak ajar yang kau kena figure out sendiri, tidakkah itu sudah sedikit terlambat? Tak lambat sangat, tapi lagi elok kalau dari awal dah mula, betul tak?

Potensi Diri Zaman Sekolah

Satu-satunya cara yang boleh untuk aku kaitkan zaman sekolah dulu dengan perkara-perkara design ialah dengan menjadi Ketua Keceriaan Kelas. Itu pun kebanyakan idea tidak datang daripada aku sendiri. Terus terang aku katakan, dari zaman sekolah dulu pun, aku bukanlah jenis budak yang pandai dalam kelas mahupun budak yang gila-gila atau kreatif. Aku cuma pelajar yang biasa-biasa sahaja. Kau nak tengok yang hebat-hebat dalam famili aku, tengok adik-adik di bawah aku atau cousin-cousin aku. Mereka lagi hebat. Aku ni sempoi je orangnya.

Sebagaimana kata-kata lecturer yang aku sebutkan pada awal bab ni tadi bahawa creativity can be learn--dan betul kau nak jadi kreatif? Senang. Kau buat perkara yang kreatif dari sekarang. Setiap hari buat sesuatu. Aku ada kenal beberapa designer yang mendapat 'degree' mereka dari Google sahaja. Sepanjang tempoh di universiti mereka menyambung pelajaran dalam bidang yang

mereka langsung tak minat dan dalam masa yang sama mereka gunakan Google dengan hebatnya! Sekarang, ada sesetengah mereka yang sudah jauh lebih berjaya dari aku yang bersijilkan design ini sendiri.

Kalau aku nak puji diri sendiri kata semua design-design aku adalah hebat-hebat belaka, itu spesies aku yang terlebih mengangkat bakul sendiri. Sepanjang tempoh empat tahun ni, aku tak pernah dapat pun 100% pujian yang mengatakan hasil kerja aku adalah hebat atau cool atau that's nice. Bukan tak pernah dapat, pernah. Tapi tak pernah sepanjang masa. Design is a subjective matter. Sama macam musik, lain orang lain citarasa mereka. Samalah juga dengan design. Kalau kau tengok semua designer yang kau kenal, masing-masing ada style masing-masing. Jadi berbalik kepada persoalan pokok tadi, adakah creative trait ini sudah ada dalam darah aku selama ini? Itu, aku tak boleh berikan jawapan dari segi scientific sebab aku tak tahu pun bagaimana untuk membuktikan dari genetik, biologi dan sebagainya. Saintis mungkin tahu caranya, tapi setakat yang aku tahu hari ini, aku tak ada lagi kawan-kawan saintis. Tapi kalau dari segi pandangan dan interpretasi mata kasar aku, bolehlah aku katakan yang sebenarnya unsur-unsur kreativiti itu memang sudah berada dalam genetik famili besar aku. Aku yang pertama pecahkan tempurung dan menunjukkan jalan. Sekarang, bila orang dah nampak apa yang aku boleh buat, orang mula ikut jejak langkah aku. Ini, kalau aku ceritakan kreatif dari segi apa yang aku buatlah. Grafik, fotografi dan sewaktu dengannya.

Ada juga kreatif dari satu sudut lain, contohnya aku suka buat benda sendiri. Repair sendiri paip bocor, pasang langsir, drill dinding, atau pasang perabot Ikea sendiri. Ada setengah orang prefer panggil orang buatkan. Tapi, ni mungkin tak berapa nak ada kaitan sangat dengan kreativiti kot.

Jadi, kreatif ikut genetik ni cuma interpretasi mata aku. Tak cukup kuat untuk dijadikan hujah tapi cukup sekadar cerita-cerita kedai kopi sahaja. Jadi, in the blood-kah? Scientifically, not proven. Yet. Mata-kasar-cally, yes!

Kesalahan Yang Wajib

Bagi seorang fulltime designer seperti aku, kesalahan adalah satu perkara yang wajib untuk aku elakkan. Yes, mistakes do happen once in a while. But when you are already long enough in the industry, you will know that mistakes is something that should not exist in your Graphic Design dictionary anymore.

Bagi aku, zaman Foundation, Tahun Pertama, Kedua, Terakhir adalah zaman untuk kau buat salah sebanyak-banyaknya. Sebab dari situ, kau akan belajar banyak. Silap bagi aku, aku tak buat salah sebanyak mungkin ketika itu, setakat berani untuk ambil langkah selamat sahaja. Main dengan warna selamat, copywriting buat yang cukup-cukup makan saja atau tak perlulah idea-idea yang konon nak takluk dunia ni. Cukuplah dengan menjadi jaguh kampung sahaja.

Itu dulu, zaman-zaman yang mana aku tak reti untuk ambil risiko sangat. Nasihat aku untuk kau budak baru, kalau kau sama seperti yang aku perincikan di atas, berhentilah. Berhentisekarang, tarik nafas dalam-dalam dan fikir balik, setakat yang kau sudah pergi sekarang ini, berapa banyak sebenarnya yang kau sudah dapat? Cuba kau fikir balik, apa yang kau nak capai untuk diri kau sebagai seorang designer dan manusia?

Kalau susah untuk kau fikirkan, cuba tengok kembali hasil-hasil kerja yang sudah kau hasilkan setakat ini, adakah kau sudah berpuas hati? Atau masih ada sekelumit perasaan jauh dalam sudut hati kau yang merasakan masih ada sesuatu yang kurang. Kalau ada, maknanya kau dah sedar. Bila dah sedar tu, terus bukakan lagi seluasnya mata dan hati kau dan berpijak di bumi nyata. Sedarlah yang kau perlu untuk tidak semata-mata ambil jalan selamat dan perlu untuk ambil jalan yang kalau tidak banyak, sekurang-kurangnya sedikit berisiko.

Lagipun, apalah yang paling teruk boleh jadi kalau kau ambil sedikit risiko dan tersilap langkah? Paling teruk pun, mungkin subjek tu

kau akan gagal dan kena repeat. Itu sahaja. Walaupun faktanya, gagal dan repeat bakal bawa kepada perkara-perkara lain yang lebih dahsyat (kata orang, ripple effect), tapi itu topik perbincangan lain. Anggap sahajalah buat masa ini yang gagal dan repeat adalah jenayah paling ringan sebagai seorang pelajar dan tidak membawa apa-apa kesan besar.

Kau nak buat salah zaman dah masuk industri ni nanti? Toksahlah dik. Buat menyesal, sakit hati saja nanti. Dalam industri ni nanti adalah masa yang paling wajib untuk kau elakkan segala kesalahan yang akhirnya cuma membawa kepada kemudhoratan. Believe me!

Tipulah pula kalau aku kata, dah masuk industri ni tak pernah buat. Sebab, perkara 'tersalah' ni memang ada. Dah 5 orang semak, masuk sahaja orang yang keenam untuk semak, dia boleh jumpa 10 macam kesalahan. Itu kalau jumpalah. Mahu dah siap cetak, dah nak segregate (gitu, segregate katanya) dekat VIP, tetamu, tiba-tiba adik saudara kau yang baru masuk universiti tersedar yang kau tertinggal info paling penting, seperti lokasi majlis.

Ya, kesalahan seperti itulah yang aku maksudkan. Ya, kesalahan itu jugalah yang aku pernah buat. Ceritanya, dulu sekitar 2013, which is still new kalau aku berjaya publish buku ni antara 2014-2016, ada-lah satu projek yang aku terlibat sama untuk satu majlis ni. Besar jugalah, ada kerabat, VVIP, dan lain-lain. Dua hari sebelum majlis, tengah nak hantar jemputan, tiba-tiba orang yang ke-entah-berapa-belas tengok, nampak satu mitsake.

Pucat muka semua orang. PR Manager yang responsible hantar jemputan tu dah angkat bahu, pandang dekat aku. Aku buat relax walaupun dah kena ugut boleh kena tembak. Betul aku tak tipu, aku quote cakap big boss tu dekat aku. Dia panggil, tanya ni apa cerita salah ni? Lepas tu dia merapu cakap aku kena buat kerja aku, tak boleh nak harap dia seorang check semua benda, bla bla bla. Dia keluarkan phone dia, buka WhatsApp. Lepas tu tanya aku balik, so apa nak buat ni? Merapu lagi cakap orang protokol bising sambil tunjuk-tunjuk jari dekat phone apa bagai, lepas tu dia cakap the unthinkable; see, they are saying that your designer should have been shot. Aku cuba nak tengok dekat skrin phone dia, tapi dia

tutup. Nampak sangat menipu. Entahlah, mungkin sebab sesetengah orang bila dia rasa dia ada kuasa, ada bloodline tertentu dia rasa dia boleh cakap suka hati dia kot. Entahlah.

Kerja Designer Semata?

Kadang-kadang orang pun tak berapa nak faham dengan sengaja buat-buat tak faham. Walaupun designer adalah orang yang 24 jam mengadap satu-satu design tu, tak semestinya designer juga yang kena pastikan tak ada salah dah dalam design tu. Bukan nak kata sebagai seorang designer, kau boleh lepas tangan, tak! Peribadinya, etika aku sebagai seorang designer, aku akan cuba semak beberapa kali untuk pastikan tak ada kesalahan langsung. Cuma kadang-kadang (dan selalunya) memang akan perlukan orang kedua, ketiga, keempat mahupun ke dua puluh sekali pun (kalau perlu) untuk pastikan semuanya dalam keadaan sempurna sifat dia.

Kalau kau buat kek contohnya, selalu tak minta orang lain untuk test rasa? Cukup tak perisa oren, terlebih sangat ke masam? Cukup tak gula atau boleh buat orang kencing manis ke? Samalah juga macam designer! Dah asyik test cubit rasa kek tu dari awal, memang buat sampai lidah dah lali dan tak rasa pun ada benda yang kuranglah, betul tak?

Aku bukannya nak backup designer totally, cuma ada sesetengah perkara perlukan proof read dari orang yang tak pernah tengok langsung bahan design tu. Fresh pair of eyes. Percayalah kalau ada seorang dalam team kau yang kerjadia sebagai proof master, kau memang akan jimat

Teluk Danga, JB

banyak masa. Kepada designer pula, kalau bahan dah siap nak pergi print, tapi kau lupa nak create outline—dah berapa tahun jadi designer ni?

Jadi, apa kaitannya masa dekat universiti ni kena buat mitsake sebanyak-banyaknya? Dah tu macamana nak tahu dah buat mitsake kalau apa jenis mitsake yang ada pun, kau tak tahu?

Banyak pula soalan kau, kan. Maksud aku dengan buat kesalahan zaman universiti ni bukannya dengan kau sengaja buat benda betul jadi salah. Bukannya maksud aku kau sengaja nak spelling mitsake kan satu perkataan. Bukannya maksud aku kalau lecturer fotografi kau suruh buat kemas-kemas, kau sengaja buat senget-senget sengaja nak minta kena baling kasut. Bukan itu yang aku maksudkan.

Maksud aku dengan ‘buat salah’ ini luas perbincangannya. Tapi yang aku nak tonjolkan untuk kau ialah dengan cara kau buat sesuatu tapi bukan semata-mata ambil langkah selamat sahaja. Ambillah risiko sekali-sekala. Kau rasa kau ada idea yang konon-konon gempak sikit, cuba buat! Kalau setakat ulang benda sama yang semua orang buat, orang takkan pandang dan paling penting, orang takkan ingat. Risiko memang tinggi, tapi itulah realiti dunia design. Mesti ada risiko dengan setiap apa yang kau akan buat nanti. Idea yang kau hasilkan untuk klien sentiasa berisiko untuk kena tolak. Itu realiti. Kau takkan tahu samaada idea kau akan diterima sampailah klien approve dan sampailah idea kau tu direalisasikan. Tapi bila sekalisekala kau keluar dari kepompong buat benda lain, the feeling is undescribable. Feeling tu datang kalau risiko yang kau ambil tu menjadilah.

Aku ingat lagi masa aku dalam trimester terakhir tahun akhir. Masa tu, sepenuh perhatian aku tertumpu dekat Final Year Project (FYP). Kalau ikut betul-betul jadual yang fakultisediakan dari awal tahun pertama dulu, memang waktu tahun akhir ni takkan ada subjek lain yang akan ganggu jadual kelas kau. 100% memang khas untuk kelas FYP semata-mata. Jadi, apa berlaku dalam kelas FYP ni? Bagi budak-budak major Advertising Design (dulu

dia panggil Media Innovation), projek FYP aku ialah untuk hasilkan satu full advertising campaign produk yang aku pilih. Boleh jadi apa-apa sahaja produk tapi syaratnya produk yang dah memang wujud dekat luar sana. Boleh jadi 99 Speedmart, Pulau Sipadan, Mama's Kitchen atau mungkin kempen PSA (Public Service Announcement) macam Autisme, Alzheimer dan sebagainya.

Ada banyak senarai-senarai bahan yang perlu disiapkan dalam satu-satu kempen ni, tapi yang paling kritikal ialah Major Project, sebab dalam Major Project ni kau perlu hasilkan campaign material yang dah siap. Macam contoh, kalau kau pilih untuk Major Project kau nak buat TV Commercial (TVC), kau perlu siapkan TVC tersebut sepenuhnya. Dari storyline, storyboard, skrip dan akhirnya shoot & edit. Basically, a full production dari pre, pro sampai lah ke post-production. Kalau kau pilih Major Project buat website pula contohnya, kau kena create a working website. Maknanya, website kau dah functional. Segala line of code dah siap cuma tinggal nak jadikan live sahaja.

Dan apa yang terjadi kepada aku ialah, aku ambil risiko. Big time. Aku cuba buat sesuatu yang aku tak pernah buat. Paling dekat kepada buat pun ialah aku berangan nak buat. Bayangkan kau cuba gabungkan model 3D dengan real-life shoot. VFX sangat. Ideanya bagus. Masa aku awal-awal pitch dekat lecturer, semua suka. Ya, kau ingat buat FYP senang-senang cari idea terus buat ke? Kena pitch, OK. Lecturer tu ibarat klien. Produk yang aku pilih tu, produk depa. Back to the point, masalah utama aku untuk siapkan projek ni ialah kemalasan diri aku. Boleh kata, empat tahun punya kemalasan kumpul dalam satu masa. Lepas dah presentation, satu-satunya perkara yang bermain dalam kepala aku bila dengar komen-komen lecturer ialah aku dah gagal. Panel lecturer tu semua lejen-lejen, ok!

"Your work is not of a Delta student. Not even an Alpha standard."

Poin aku cuba nak sampaikan dalam cerita ni ialah aku ambil risiko dan orang suka idea tu. Cuma, aku betul-betul yakin yang aku boleh buat lagi baik kalau aku tak memanjakan diri aku dengan kemalasan (yang mana itu adalah satu topik khusus yang aku akan bincangkan dalam bab di hadapan).

Risiko Dengan Cara Yang Betul

Jadi, mengambil risiko (or making mistakes) adalah satu langkah yang sangat boleh membawa kepada keruntunan jiwa. Sebab kalau langkah yang kau ambil tu kau bawa ke jalan yang salah, kesannya boleh membawa kepada satu keadaan yang buat kau sudah tidak pasti dengan kemampuan diri. Tapi, itu pun bergantung kepada diri kau juga. Sekali kau sudah tersalah langkah dan jatuh, jalan seterusnya yang perlu kau bagi keutamaan ialah respon kau. Lain pula ceritanya, kalau risiko yang kau ambil tadi kau bawa kepada

jalannya yang betul, outcome di penghujungnya nanti adalah satu perkara yang sangat memuaskan hati. Tapi untuk sampai ke sana, jalannya memang tak akan mudah.

Kalau kau tanya aku, apa perkara yang paling penting untuk kau beri keutamaan lepas kau dah berkeputusan untuk mengambil risiko, jawapan aku mudah. Kau

kena istiqomah, tak kira apa yang berlaku, jangan mudah putus asa dan paling penting, kau kena lawan penyakit malas yang datang ikut suka hati kepala dia. Mungkin harini kau boleh kata yang kau tak ada sifat malas ni, sebab sekarang kau tengah berkobar-kobar nak mulakan apa yang kau impikan. Tapi, bila tiba satu hari nanti, kau ditimpa pelbagai masalah seperti hal-hal peribadi atau masalah kewangan untuk menampung projek mega kau, masa tu, baru kau akan rasa betapa buruknya penyakit kemalasan tu. Dah tentu masa tengah bermalas-malasan tu nanti, kau takkan sedar atau rasa keburukan dia. Bilalah tengah malas, kau duduk lepak-lepak dekat Mamak atau mana-mana kafe hipster dekat Damansara, masa tu memang rasa syok habis. Macam orang kaya Malaya dibuatnya. Tapi, kesan lepas tu nanti, barulah kau terasa betapa ruginya kau dan masa tu fikiran kau akan mempermainkan kau cakap, kalaulah masa tengah malas-malas haritu, kau habiskan masa buat kerja yang dah memang dalam tight deadline tu. Aku rasa aku dah terpesong jauh dengan topik asal chapter ini, jadi mari aku kaitkan semula antara mengambil risiko dengan membuat kesalahan. Secara peribadinya untuk aku, membuat kesalahan itu walaupun merupakan satu perkara yang sangat menyakitkan hati, tapi dalam masa yang sama adalah merupakan satu learning process. Kalau kau lihat mana-mana orang yang sudah berjaya dalam dunia atau baca buku biografi mereka, salah satu perkara yang mereka mungkin akan ketengahkan adalah learn from your mistakes. Kalau kau ambil pula contoh dalam zaman kita sekarang dan lihat berapa ramai startup yang berjaya harini, tengok juga kepada hakikat yang sudah beberapa kali mereka gagal sebelum mereka mengecapi kejayaan. Betul? Mungkin tak semua, tapi kalau ada di luar sana, belajar dari mereka sebab tak semua orang ada luck yang cuma cuba sekali dah berjaya.

Jadi, kalau satu hari nanti kau tergolong dalam golongan yang buat kesilapan profesional, jangan senang sangat putus asa. Jangan mudah mengalah, jangan cepat taking it personal akan apa yang klien atau bos kata terhadap kau. Jadikan kata-kata kritikan pedas mereka itu sebagai satu sumber galakkan untuk push you further. Lagipun, selagi mana kau bekerja sebagai seorang designer yang ambil berat tentang tanggungjawab, mereka akan faham juga. Eventually. Kalau mereka profesional, dengan melihat kau sentiasa untuk buktikan semula diri, sepatutnya dah cukup untuk mereka nampak yang kau dah letakkan diri kau pada satu level yang baru.

Sebelum aku terlupa—

Untuk klien yang ugut nak tembak aku tadi, ringkas boleh aku kata bahawa mereka semua tu dikaburi dengan emosi yang tak stabil. Di penghujung hari, mereka tahu yang mereka tak akan jumpa designer lain yang sededikasi diri aku. Malangnya, mereka tak nampak itu semua. Jadi, move on. Jangan stuck lama-lama.

Cerita Budak Design

Cerita Budak Design



Nota kaki. Jangan risau, bab lima ni tak ada technical printing problem atau sewaktu dengannya. Aku memang sengaja buat macam ni sebab konon-kononnya kenalah dengan topik bab ni. Ikutkan, aku tak plan pun. Tapi tiba-tiba publisher minta aku adjust sizing, alang-alang dah jadi macam ni, aku biarkan saja.

Want a
**CLEAN
WASH**

**DON'T
OVERLOAD
DON'T
OVERSOAP**

Matlamat Sebuah Kehidupan

Aku masih ingat lagi dalam kelas pertama subjek major waktu aku mula melakar jejak degree aku. Ya ini cerita lengkap dari chapter 3 tadi. Macam biasa, mesti ada sesi taa'ruf antara lecturer dan juga bakal-bakal manusia kreatif yang satu hari nanti akan merubah dunia, dan ada satu tambahan soalan yang lecturer minta kami jawab masa tu. Soalan yang sekali dengar macam biasa, tapi bila tiba giliran kau untuk jawab, terus hilang punca, blank! Mungkin soalan ini juga aku boleh gunakan dalam sesi interview dengan kau yang nak minta kerja atau tempat internship dengan aku nanti.

So, stated your name, where you come from, your siblings, a little bit about yourself or whatever and stated why do you want to be in Advertising? And what do you want to achieve?

Ah, sudah! Apa aku nak jawab ni. Kau pun baca tadi yang kemasukan aku ke MMU bukanlah atas kesedaran diri sendiri. Orang suapkan, aku rasa sedih. Jadi aku cuba. Walaupun lepas Foundation Year aku mula tertarik dengan apa yang aku buat dan dalam hati aku kata, this is it, tapi hakikatnya bila orang tanya aku soalan berat penuh ilmiah seperti ini, aku masih tidak ada jawabannya! Ya, aku tahu aku dalam kelas Advertising Design sebab aku suka, tapi takkan aku nak bagi jawapan 'sebab suka' pula. Nanti mesti dia akan tanya balik, kenapa suka? Lepas tu aku nak jawab apa? 'Alaaa... sebab suka'. Jawapan sama, intonasi lain? Jadi jawapan yang aku beri? Sebab aku nak UBAH industri.

Gila kau nak ubah industri? Baru kelas pertama terus nak ubah industri, kan. Aku pun tak berapa pasti kenapa ketika itu



Blacktown

Way out
Blacktown
Blacktown
Wentworth Transport Interchange

BEWARE
GAT WHEN
BOARDING

aku merasakan yang industri perlu perubahan. Setahun sebelum, aku masih lagi aku yang tak pasti adakah MMU pilihan yang tepat dan sekarang tiba-tiba aku nak ubah dunia/industri pula?

Tak habis di situ, lecturer memberikan respon dengan soalan susulan untuk aku terangkan lebih lanjut apa yang aku maksudkan dengan 'UBAH' ni.

Aku menjadi diri aku yang sebenar, sudah tentulah aku tak boleh nak berikan respon yang lebih sekadar dari respon, 'alaaa, nak ubah industri'. Macamlah dengan aku berikan jawapan yang sama cuma dengan intonasi yang berbeza akan buat orang lebih faham akan apa maksud aku dengan 'ubah' tu, ya tak?

Tapi secara seriusnya, memang betul aku nak mengubah dunia menjadi lebih baik. Mungkin pada masa umur aku ketika itu baru sahaja mencapai usia 18 tahun, dengan fikiran pun belum matang lagi, aku tak nampak sangat the bigger picture, jadi aku pun tak boleh nak jawab apakah maksud di sebalik jawapan aku untuk merubah dunia. Sekarang, tujuh tahun kemudian, things are getting clearer. Air yang keroh semakin jernih. Mungkin, merubah dunia secara harfiahnya adalah mustahil, tapi idea di sebalik 'ubah' itu masih lagi terpahat dalam misi dan visi aku sebagai seorang graphic designer. Boleh jadi, aku mahu ubah perspektif diri sendiri dahulu, kemudian kepada kenalan sekeliling dan kemudian baru boleh fikir untuk keluar dari bulatan sedia ada. Lepas tu boleh mula dengan komuniti persekitaran pula, sebagai contoh. Akhirnya ke daerah, negeri, negara dan seterusnya dunia pula. Konsep tarbiah, bro!

Sekarang, bila aku dah betul-betul keluar dari kepompong, mata akan jadi lebih besar untuk melihat bahawa dunia ni luas. Itu dan dengan teknologi yang kita ada sekarang, juga memainkan peranan yang besar bahawa, endless possibilities itu adalah satu hakikat. Ya, dalam situasi dunia berteknologi sekarang, apa sahaja perkara punyai kebarangkalian untuk ia menjadi realiti. Aku pinjam tagline dari Adidas, 'Impossible is Nothing' kalau kau, dan aku pinjam pula dari Nike, 'Just Do It.' Nampak permainannya di situ?

Pada usia yang sudah menjangkau penghujung 20-an (bukan aku, tapi kau), secara automatik fikiran kau akan lebih matang untuk berfikir secara mendalam. Tapi kena bergantung

juga kepada sejauh mana pendedahan kauderhadap dunia. Mungkin sesetengah orang dah boleh 'nampak' dengan usia jauh lebih awal, ada pula yang lebih lambat. Aku tidak berapa pasti bila mata aku mula untuk 'melihat', tapi boleh aku katakan pada usia aku sekarang, limitasi itu cuma merupakan satu halangan yang dengan mudah aku boleh dapatkan penyelesaian bila diberikan konsentrasi yang adil (apalah aku merapu ayat last ni).

Kalau satu masa dahulu aku dengan secara membuta sahaja kata yang aku nak 'ubah dunia', sekarang, dalam konteks yang sama untuk ubah dunia juga, aku datang dengan memberikan jawapan yang lebih berstrukturkan strategi untuk 'mengubah dunia dengan cara sekian, sekian dan sekian'.

Ikutkan, secara poinnya, ada banyak lagi pecahanpecahan misi dan visi yang duduk di bawah misi 'merubah dunia' ni. Ya, banyak perkara yang kalau boleh aku nak capai sebagai seorang graphic designer dan sebahagian perkara-perkara ini aku selarikan juga dengan kehidupan aku sebagai seorang anak, abang, suami dan terutama sekali, sebagai seorang Muslim. Sejauh mana aku nak misi dan visi graphic designer aku pergi, tidaklah sejauh yang aku mahukan sebagai seorang yang beragama Islam.

Apakah dia perkara-perkara itu? Itu cerita peribadi, tapi cuba kau sendiri tanya diri, apa misi kehidupan kau?

Kepincangan Dalam Industri

Amboi, statement. Tak, bukan ada kepincangan pun. Sekadar kekosongan yang masih belum terisisepenuhnya. Apakah dia kekosongan tersebut? Kau bincangkan dalam bulatan kau sendiri.

Sebagaimana jawapan yang aku berikan seribu tahun yang lalu ketika dalam kelas degree pertama aku, aku katakan yang aku nak ubah industri. Perubahan sebagaimana yang aku mahu bawa sebenarnya? Apakah persoalan-persoalan yang bermain dalam fikiran aku pada ketika itu? Terus-terang aku katakan, aku tak ingat. Not entirely. Darah aku ketika itu muda. Idea yang masih ada dalam pemikiran pada ketika itu juga sangat mentah. Aku mungkin tidak berapa ingat apa yang terbuku dalam siratan akal fikiran aku dulu, tapi satu perkara yang aku masih pasti kekal

sehingga ke saat ini ialah aku suka untuk fikirkan cara yang lain dari kebiasaan orang. Think outside the box as they usually say it. But, guess what? Never happen.

Taklah. Benda tak pernah jadi kalau perkara tu benchmarknya aku letakkan kepada persepsi manusia. Sebab apa kau rasa tak pernah pun menjadi kayu ukuran kepada kejayaan aku. Kejayaan aku tercapai atau tidak adalah bergantung sepenuhnya kepada apa benchmark yang aku sendiri letakkan. Jadi, kau tidak akan tahu aku sudah berjaya atau tidak, sebab kejayaan untuk aku adalah dalam kepala otak aku sahaja. Power tak?

But, feel free to judge. Itukan sifat semulajadi kau. Ops.

Ok, berbalik kepada cerita awal aku tadi. Aku sentiasa cuba untuk buat apa yang orang lain tak buat. Ya, betul. Itu adalah apa yang masih kekal dalam cara fikir aku sekarang. Sampai sekarang, aku masih lagi cuba untuk buat apa yang orang lain tak buat. Kalau kau lihat dalam perspektif lain pula, I don't give a damn about what people thinks adalah cara pandang sisi lain. Kasar sikit bunyi dia, tapi mudah untuk kau faham, kan? Jadi itulah secara ringkas tafsiran kepada pemikiran aku yang bermula dalam seribu tahun lepas. Jawapan aku bahawa aku mahu merubah dunia, sebahagiannya adalah mafhum kepada jawapan bahawa I want to give something different.

And people will always judge because it's in our nature. Bila kau kata kau mahu buat sesuatu yang lain daripada yang lain, orang akan kata, 'apa yang lainnya tu?' But we kept our cool and kept doing our thing. Bila dah hasilkan sesuatu yang lain daripada yang lain nanti, orang akan kata, 'tak lakulah produk kau ni. Lain sangat dari yang lain'. Pulak dah! Orang tak suka benda-benda baru, kononnya. And we still kept our cool and kept doing our thing. Bertahun-tahun berlalu, aku mula sedar bahawa untuk bawa satu-satu perkara yang lain daripada yang lain bukan perkara mudah. Lagi-lagi dah zaman alaf baru ni, lagilah susah. Semua perkara bergerak cepat. Tengok handphone Samsung, aku rasa S3 yang dah advance gila tu pun macam baru lagi keluar, tapi sekarang dah S-keberapa-entah.

Jadi, kalau kau nak keluarkan perkara baru yang lain dari yang lain, kau kena cepat. Kalau boleh harini kau dah terfikir

idea tu, esok kena lancar dah. Sebab kalau lambat sikit saja, minggu depan silap-silap Samsung dah ambil idea kau. Aku, bukanlah seorang yang fast thinker. Aku tak ada keupayaan sebegitu. Lambat kepala aku ni beroperasi sebenarnya. Orang push aku sikit, aku ambil jalan mudah, quit. Sangatlah tidak profesional,kan? Tapi, kalau push aku buat aku macam profesional, tak apalah juga. Ini tidak, push aku tapi buat aku macam budak tadika yang konon macam baru nak berjinak-jinak dengan design. Aku lempang kang!

Jadi sekarang bagaimana?

Aku masih aku yang dulu. Masih mahu buat perkara yang lain dari yang lain. Cuma, aku tidak perlu try to hard. Perah otak sampai berjaga malam tiga empat hari sematamata nak hasilkan perkara yang totally lain dari yang lain, toksahlah dik. Bikin sakit pinggang saja. Tapi aku tak kata JANGAN buat langsung. Aku buat je perkara yang lain dari yang lain, cuma aku buat perkara yang aku sendiri nak buat. Bukannya aku buat benda yang orang suruh aku buat. Tapi, kalau orang judge, apa tindakan kau adalah persoalan yang kau sendiri perlu jawab dan tetapkan dalam hati kau, cara yang bagaimana yang kau mahu guna untuk tempuhinya.



Mencari Ramli Matlamat

Kau kurang pasti apa matlamat kau? Jangan risau, kau tidak keseorangan. Kali pertama aku bekerja sebagai seorang graphic designer, aku juga tidak ada matlamat kehidupan yang jelas. Aku cuma go with the flow. Makan gaji. Kerja, kerja, kerja, hujung bulan masuk gaji. Jadi, kerja pertama aku, apa yang terpendam dalam jiwa dan raga aku ialah aku mahukan duit. Rasa macam duit adalah segala-galanya. Masuk gaji, terus belanja sakan. Beli benda yang dulu tak boleh nak beli sendiri. Tapi tahulah ini, kalau duit adalah matlamat utama kau, sampai bila-bila pun kau tak akan pernah rasa matlamat itu sudah tercapai, sebab terus-terang aku katakan, duit tak akan pernah rasa cukup.

Matlamat sebenar yang aku mahu capai, aku cuma sedar selepas aku meninggalkan kerja ketiga aku, selepas aku berkahwin dan beberapa bulan selepas berkahwin, aku menjelajah ke satu negara luar dari Malaysia. Jauh betul aku kena pergi untuk dapatkan matlamat diri sendiri dengan jelas, kan?

Bukan begitu. Bila aku mula bekerja di tempat ketiga sepanjang kerjaya aku, aku mula buat draf kasar matlamat kehidupan. Selepas berkahwin dan berhenti, draf tu dah beberapa kali mengalami proses pengolahan dan selepas aku menjelajah ke luar negara, draf itu sudah menjadi draf yang terakhir. Atau sekurang-kurangnya menjadi asas serta guideline yang lengkap untuk matlamat kehidupan aku.

FYI. Draf ni cuma draf dalam kepala sahaja, tak ada hard copy. Sebenarnya, salah satu cara untuk kau tahu apa yang kau mahu, kau perlu keluar dari kepompong diri kau dahulu. Salah satu cara yang paling mudah ialah dengan cara kau travel satu dunia. Easier said than done, aku tahu. Tapi bila satu hari nanti kau dapat peluang untuk menjelajah tak kira ke mana sekalipun, jangan cuma letakkan matlamat yang kau ke London semata-mata untuk enjoy dan shopping dan enjoy semata-mata. Cuba juga untuk letakkan matlamat yang kau mahu lihat dunia and what it offers. Bukan offer discount up to 70%-lah gila!

Sebaik sahaja aku pulang dari negara tersebut, aku terasa seperti kekurangan sesuatu. Dan dari kekurangan itulah aku cuba untuk letakkan segala matlamat-matlamat yang aku mahu capai sebagai seorang graphic designer dan juga manusia.

Apa matlamatnya? Apa yang kau sudah baca dari awal tadi juga. Cuma kali ini, aku sudah keluar dari kepompong dan aku sudah sedikit nampak apa kekurangan yang ada dalam dunia kepompong aku. Kau nak cari matlamat? Jalan tengok dunia.

Budak Pejabat Kali Pertama

Satu rahsia yang akan aku kongsi dengan kau ialah kerja pertama yang aku lakukan dalam industri adalah juga merupakan kerja pertama aku sebagai seorang manusia. Kerja takrifannya di sini ialah kerja yang aku buat dengan pulangan gaji bulanan. Nampak tak betapa manusia manjanya aku?

Tahunnya 2009. Tahun terakhir aku di MMU. Trimester pertama adalah internship. Ya, internship itulah kerja pertama aku. Mungkin kau akan cakap, alah internship bukan kerja, bro! Tapi kalau ikut takrifan aku dekat atas tadi, kerja dengan pulangan gaji bulanan. Internship aku dapat gaji bulanan (elaun saja sebenarnya), jadi aku kira sebagai kerja jugalah.

Ok, cukup.

Daripada internship itu hujungnyanya menjangkau kepada satu kerja tetap lebih kurang dalam tempoh setahun kemudian. Cumanya...Aku pun tak berapa pasti bagaimana hendak aku letakkan dalam kata-kata sebaik mungkin.

Beginilah. Tempat internship (aku namakan sebagai Studio K) aku tu aku tak bersendirian tetapi bersama 3 rakan kelas yang lain, pada awalnya. Kurang selepas sebulan, salah seorang tarik diri. Alasan dia sebab nak cari tempat yang lagi dekat dengan rumah. Jadi tinggallah aku dan dua lagi berinternship dekat Studi K dalam lebih kurang tiga bulan seterusnya. Cuma bezanya di sini, mereka tidak terjebak jauh sepertimana terjebaknya aku. Mereka jauh lebih awal 'terbuka mata'. Mungkin juga kerana itu kerja pertama aku, jadi aku terlajak excited. Mungkinlah.

Dipendekkan cerita, trimester terakhir dalam tahun terakhir aku dekat universiti, sedang aku dalam proses menyiapkan FYP, Studio K tempat internship aku dulu, tawarkan aku kerja tetap bila aku selesai FYP nanti melalui Skype. Mungkin juga kerana perasaan terkejut excited aku tadi, maka dengan bangganya aku berkata Ya tanpa berfikir panjang. Tapi bukanlah kerana terkejut excited semata-mata.

Ini satu perangai aku yang aku sedar selepas aku berkahwin. Sebenarnya, mungkin aku dah tahu lama sebelum berkahwin lagi tapi bila orang yang rapat dengan kau tegur setempek dekat muka kau, lagilah terasa dan baru nak tergendah, ya tak? Perangai yang susah nak cakap 'tidak' atau paling kurang pun berfikir panjang dahulu sebelum saying the magic word. Aku akan cerita lagi detail tentang ini di bab akan datang nanti. Jadi, blame others but yourself, perkataan 'YA', adalah puncanya ditambah juga dengan sedikit perasaan terkejut excited tadi.

Nak dijadikan cerita, kerja pertama aku dekat Studio K tidak berakhir dengan baik. Yalah, kerja berbulan-bulan tapi tiada pulangan, kau nak buat apa? Cakap dekat diri 'tak apa. Nanti adalah tu' sepanjang masa? Gila. Beberapa minggu selepas aku meletakkan jawatan, baru aku dapat tahu cerita the other side of the story dari salah seorang rakan aku yang sama-sama menghabiskan sisa-sisa internship di sana. Cerita dia, hari yang mana lecturer datang Studio K untuk internship site visit, lecturer tu tanya kepada aku dan mereka berdua satu soalan yang sekarang baru buat aku nampak the whole picture. Both of them gave the same exact answer, 'never'. Dan aku? 'Ya. Boleh nak kerja dekat sini. Kenapa tidak?' Lepas dengar cerita tu, barulah aku tersedar kenapa lecturer aku tanya soalan tu dekat aku dua kali untuk betul-betul dapatkan kepastian kepada jawapan aku. Kawan aku tadi tambah cerita lagi, pernah sekali ada junior tanya lecturer yang sama tu, OK tak nak internship dekat Studio K, jawab lecturer tu, 'tak payahlah dik.'

Gila bila fikirkan yang selama ini aku beria-ria bekerja dekat sana, rupanya dalam masa yang sama, satu dunia menentang arus dia. Tapi eventually, aku tak salahkan sesiapa. Sebab aku sedar, yang mungkin kalau aku tak mula kerja dekat sana, aku tak jadi sebagaimana aku sekarang. Mungkin, buku



Kuala Lumpur

ini pun tak akan jadi realiti. Jadi, aku sematkan dalam hati yang perancangan Allah itu pasti. End of story.

Pasti ada hikmahnya.

Sekarang, mungkin kau tertanya-tanya apa yang buatkan tempat pertama kerja aku ni tidak disukai oleh hampir semua orang. Well, I'm not going to go into details about them, because despite the negativity, there are still positive in it. Jadi, aku tinggalkan itu untuk imaginasi kau sendiri. Cuba bayangkan, the worst job that you can ever have? Semua orang pernah ada. Paling tidak pun ada satu benda kecil yang buatkan kau menyampah seperti perangai officemate yang menyakitkan hati atau politik pejabat yang sangatlah kejam, lagi kejam dari politik Malaysia, contohnya. In fact, tempat kerja pertama isteri aku selepas dia pulang dari UK untuk sijil ACCA, adalah her worst ever job too, for now.

Jadi, kau boleh bayangkan sendiri apa yang terjadi antara aku dan Studio K. Kalau kau adalah antara mereka yang dalam industri dan dunia yang sama macam aku, mungkin sedikit sebanyak kau pernah rasa juga. Basically, the perks of being a designer in Malaysia juga. Dan kalau kau tak ada dalam industri dan masih tertanya-tanya apa cerita pasal aku dengan Studio K ni, mudah untuk aku bagi bayangan buat kau ialah cuba kau bayangkan manamana servis yang pernah kau ambil dari manamana syarikat yang ada, dan servis mereka adalah antara yang terburuk yang pernah kau lalui. Tak kisah servis tu ada kaitan dengan industri design atau tidak. Boleh jadi semudah technician internet rumah sahaja! Kalau susah sangat, senang cerita, perangai manusia sajalah. Profesionally and personally.

Dan kepada kawan-kawan aku yang mungkin akan baca buku ini dan tahu kisah di sebaliknya, senyum-senyum kambing sajalah seorang diri ya. Ini rahsia antara kita.

Kesimpulannya, adakah apa yang aku dapat dengan kerja pertama aku, semata-mata tak ada apa-apa? Tak juga. Dari segi kewangan, mungkin tiada apa, tapi dari segi pengalamannya, tonnes is in the bag. Dari segi networkingnya juga, masih ada satu dua klien yang sampai sekarang aku masih keep in touch.

Nine to Five Bukan Untuk Aku

Sehingga ke hari ini, aku boleh letakkan ada empat design studio dalam bahagian pengalaman di resume aku. Dua adalah tempat aku kerja bawah orang dan dua lagi adalah studio sendiri yang aku founded. Atau sekurang-kurangnya front yang aku guna bila deal dengan klien.

Dari dua studio yang aku kerja dengan orang tadi, satu daripadanya adalah studio yang agak ketat dari segi etika masa kerjanya. Strictly nine to five dan ada punchcard. Ya, itulah kali pertama aku kerja di tempat yang gunakan sistem punchcard. Aku tak akan berkata apa-apa yang buruk tentang mereka, sebab hakikatnya hampir tiada apa perkara yang buruk. Cuma apa yang akan aku perkatakan, aku adalah seorang manusia yang tidak boleh kekal lama dalam suasana kerja pejabat nine to five.

Kadang-kadang aku ada terfikir juga yang adakah mungkin aku ni terlalu memilih sangat dalam bekerjaya? Sebab, pergilah mana-mana tempat atas dunia ni pun, kebanyakan syarikat mengamalkan sistem kerja yang fix. Kalau ada overtime, itu dah jadi perkara biasa. Jawapan yang aku dapat, separuhnya betul yang memang aku ni memilih dan separuh lagi adalah semata-mata alasan untuk aku menghalalkan apa yang aku mahu. Tapi dalam masa yang sama, aku juga berpendapat yang punca aku tak boleh nine-to-five ni bermula masa aku kerja dekat Studio K dulu. Macam orang kata, benda awal-awal yang kau buat dan terbiasa akan bentuk diri kau in the future.

Jadi, aku salahkan kerja pertama aku dulu. Hah! Tak ada masa tetap. Sukahati. Kadang-kadang masuk kerja tengah malam sampai awal pagi. Tak ada cuti. Cuti pun bila projek baru habis dan tak ada projek besar masuk lagi, jadi bos bagi lepak seminggu dua tops. Sampai satu masa, nampak macam seronok sebab konon-konon ikut masa sendiri. Tapi sebenarnya, aku yang ikut masa entah-siapa. Bila tak ada projek, baguslah. Tak perlu masuk studio dan sebagainya, lepak-lepak. Tapi bila dia panggil, kadang-kadang, masanya adalah sangat off.

Tengah tidur, dapat call pukul 4 Pagi.

Flight pergi Kelantan lepas Subuh, tapi nak kumpul dekat rumah klien dulu. 'Sorry aku lupa bagitahu kau semalam'. Bila fikir balik sekarang, ni dah melanggar etika kerja juga ni rasanya. Haha! Dan yang paling dekat aku rasa kerja macam boleh dihalalkan ialah dengan menjadi seorang politisyen. Kan? Yalah, berdasarkan kepada pemerhatian aku, kalau seorang fulltime politisyen atau aktivis ni, kerja dia memang gila. Lagi-lagi kalau panas macam ahli pembangkang. Tiap-tiap minggu ada ceramah ke apa. Kan?

Back to the point, dari situlah aku mula terbiasa dengan konsep 'bebas' dan 'masa sendiri'. Bila nak kerja, kerja. Tak ada kerja, tak payah kerja.

Tapi bila kau dah berkahwin, berkeluarga, ada tanggungjawab, ada tanggungan, kau tak boleh letakkan sangat dalam kepala otak kau untuk lepak sepanjang masa. Bila jadi freelancer, ada masanya, kau perlu disiplinkan diri untuk 'cari kerja'. Sebab, kalau dulu masa kerja bawah orang, kerja yang datang dekat kau, tapi bila kau berada on top of the chain, kerja takkan datang bergolek. It's hard living in this kind of life, honestly. But a hardwork that's worth it, come what may. (Ayat aku curi dari baca novel je ni. Bunyi macam sedap, gempak tapi tak tahu pun maksud apa.)

Kenapa aku tak suka kerja nine to five? Sebab kerja duduk belakang meja berjam-jam buat otak aku jadi tepu. Sampai satu masa dulu, aku dah terlalu selesa dan bila aku ada masa untuk diri sendiri, aku gunakan untuk lepak semata-mata. Tak ada perkara produktif yang boleh menjana otak aku untuk berfikir. Lama-lama, otak jadi tumpul. Bila tumpul, curahan idea sebagai seorang yang perlu berfikir kreatif jadi, entah apa-apa. Tapi, kalau satu hari nanti datang masanya aku perlu untuk kembali ber-nine to five, aku perlu tahu untuk letakkan prioriti di mana. Samaada kepuasan peribadi atau tanggungjawab. Same goes to you, brada!

Living A Life

Sebenarnya, satu-satunya perkara yang aku regret tentang tempat kerja pertama aku dulu bukanlah kerana dia tak bayar gaji aku atau dia gunakan aku macam aku kuli dia, tidak. Regret aku lebih

kepada alangkah bagusny kalau masa tu, aku live a life. Buat kerja macam biasa tapi dalam masa yang sama, aku buat perkara yang menampakkan aku sebagai seorang manusia yang berfikir. Tak terima dan buat semua perkara bulat-bulat. Orang bagi arahan, buat ikut arahan. Ya, memanglah tanggungjawab sebagai employee kau jalankan tapi dalam masa yang sama, kena ambil kerja-kerja yang kau lakukan tu, jadikan sebagai satu learning process.

Hari ini, bila aku berfikir tentang apa yang aku belajar dari masa dulu, tak banyak mana. Kadang-kadang aku juga tertanya-tanya, itu sahaja ke yang aku dapat? Sembilan bulan adalah tempoh yang lama dan apa yang aku ada lebih banyak grudge terhadap employer lama tu.

Jadi, maksudnya?

Maksud aku, dalam apa jua kerjaya yang sedang kau lakukan sekarang, dalam masa yang sama kau bekerja, jangan lupa untuk live a life. Aku terlalu tertumpu sangat kepada kerjaya pertama aku dulu sampaikan aku dah jadikan mereka sebagai life aku. Bila terjadi perkara-perkara yang menyakitkan hati seperti ini, tak ada perkara lain yang aku fikirkan tentang mereka cuma, grudge. Kerjaya itu adalah kerjaya dan kehidupan kau adalah kehidupan kau. Sebolehnya jangan campur adukkan dua perkara ini bersama. Betul, kerjaya kau yang 'menghidupkan' kehidupan kau. Kalau tak ada kerjaya macamana nak ada kehidupan, jadi dua perkara ini tak bolehlah dipisahkanlah.

Tak semestinya.

Ok, letakkan dalam situasi aku. Kerjaya aku adalah satu kerjaya yang merana jiwa. Bluntly saying, aku benci dengan kerjaya pertama aku. Kenapa? Sebab empat, lima tahun kemudian, aku sedar yang bos lama aku cuma mengambil kesempatan ke atas aku. Bayangkan, aku budak fresh grad diberikan tanggungjawab yang agak besar dengan cara yang membabi buta. Tak ada agreement apa, dia bagi aku macam tu sahaja. Kalau dia boleh buat perkara ni dekat sorang budak fresh grad, kenapa dia tak buat dekat seorang yang paling kurang dah ada setahun dua pengalaman. Then it hit me. Tak ada orang nak kerja dengan dia, bro! Dengan, pakai fresh

grad ni murahlah. Disebabkan itu, kerja aku jadi life aku. Kalau projek dan siap, aku akan samaada lepak McD sampai 3-4 pagi ataupun buat kerja yang bos minta 2-6 minggu lepas tapi tergendala sebab ada projek besar. Dan kerja yang aku nak buat tu, bos dah tak hairan pun. Serius aku cakap, jangan terlalu jadikan hari-hari kau, offwork terutamanya, terlalu rutin sampai kau jadi ibarat hamba duit. Hujung bulan tunggu gaji sebab poket dah kering.

Buat sesuatu, lah. Live a life.



Tak ada siapa yang ajar aku bahawa, creative industry ini adalah satu industri yang sangat-sangat kompetitif, mencabar, laju dan kejam. Mungkin masa zaman aku MMU dulu, lecturer ada ajar secara tak langsung dengan cara kutuk (bukan kritik dah) guna bahasa-bahasa kejam, koyak assignment depan muka, kena campak kasut pun ada pada masa tengah buat presentation depan kelas. Selain dari cara kekejaman ini, adalah juga sekali-sekala mereka bercerita experience masa dalam industri dulu. Masa ni barulah rasa yang lecturer ni pun industry player macam kau juga, kena hadapi kekejaman dunia.

Tapi, siapa sangattlah yang akan betul-betul dengar cerita tu dan terasa kagum atau takut, betul tak? Sekali-sekala tu terasa jugalah syok kejam. Kadang-kadang buatlah ekspresi muka kagum terkejut ke, tapi hakikatnya selagikau tak rasa sendiri, kau tak akan tahu perasaan yang sebenar. Dan tak salah rasanya kalau aku kata yang bila dah selalu sangat kena ‘serang’ dengan lecturer, hati pun akan sedikit sebanyak mengeras, tapi walau sekeras mana pun jadinya, masih belum cukup keras lagi untuk menghadapi sepak terajang industri.

Pernah satu ketika dulu, aku baru selesai meeting dengan klien dan situasi yang terjadi selepas pertemuan itu aku gambarkan sebagai boiling point aku. Seumur hidup aku dari zaman aku mula-mula bertemu dengan lecturer yang ‘kejam’ sampailah ke saat itu, aku tak pernah lagi rasa perasaan seumpama yang aku rasa pada ketika itu. Telinga aku terasa panas, badan pula dah rasa seramseram sejuk, jantung berdegup kencang dan dalam hati aku nak menyumpah seranah pun tak mampu sebab dah tak ada perkataan yang sesuai untuk aku cemuahkan. Dalam fikiran aku, cuma ada ‘ah lantaklah, aku quit. Boleh pergi ***.’

Masa tu aku tahu, that was it, man. Aku sudah berada pada tahap maksimum boiling point aku sendiri dan aku sedar yang satu hari nanti, believe it or not aku akan jumpa lagi dengan klien yang sebegini bahkan mungkin lebih teruk lagi. Jadi, untuk mengelakkan terjadinya persengketaan emosi seperti itu lagi, something needs to be done. Jadi kuncilah aku pintu emotional attachment aku terhadap perkara-perkara kerja dan campakkan kuncinya jauh ke tengah lautan dalam sana.

Buat kau pula, satu perkara yang perlu kau lakukan, cubalah untuk buat sebagaimana yang aku buat. Jangan sesekali ikat setiap perkara kerja yang kau hasilkandengan emosi. Tak kira betapa kau pandang tinggi dan terasa hebatnya kerja yang sudah kau hasilkan, tahulah bahawa pasti akan ada juga nanti, kerja-kerja kau itu akan dipandang remeh oleh segelintir orang.

Bila itu terjadi dan kau dah terlalu lekatkan kerja itu dengan emosi, the feeling that you feel later is not something that you want to remember your entire life. Pedih sebenarnya perasaan tu. Kau habiskan seluruh masa kau dalam seminggu, sebulan, mahupun setahun untuk hasilkan satu-satu kerja dan akhirnya orang cuma akan senangsenang reject dan kata benda yang kau buat tu bukan apa yang mereka mahu. Padahal, kerja yang kau buat tu, adalah exactly dari brief yang klien bagi 2 minggu lepas. Dan kau pula, selepas beberapa kali proses presentation, dah tawar hati dengan klien tu, kerja yang kau buat kali ni ikut SEBIJI macam apa yang dia minta. Sounds familiar yet, my fellow designers?

Sebenarnya, menjadi seorang designer bukanlah semudah yang disangka. Tak kisahlah kalau kau seorang designer biasa yang cuma tunggu arahan dari bos ataupun the brainer yang memikirkan segala-galanya, ceritanya nanti bakal jadi lebih kurang sama sahaja. Sebab, kebanyakan designer yang aku jumpa (mungkin 2-3 orang sahaja sebenarnya), bila kau buat satu-satu design, satu perkara yang kau akan lakukan ialah kau akan terlalu deep in connection dengan design tu, sampaikan bila orang nak komen atau beri pendapat sikit, kau tak mampu nak terima, kau akan jadi emosi dan kau akan tolak pendapat tu mentah-mentah, it's either you take it or leave it. Konsep take it or leave it ni memang boleh pakai on certain occasion. Tapi, kalau bab emotionally

attached, nasihat aku, jangan guna konsep tu. Kalau klien tu jenis yang lembut-lembut sifatnya, mungkin kau boleh senang-senang counter balik, tapi bayangkan kau berjumpa dengan seorang klien yang ruthless? Aku nak terang detail pun susah, sebab bagi aku dekat Malaysia ni, industri ni jauh lagi perjalanan dia. Tapi ringkas aku boleh cakap, klien hire kau, bukan bermakna klien boleh pijak-pijak kau sebab dia bayar. Dan kau designer, sebabkan kau designer bukan bermakna kau 100% betul sepanjang masa. Nampak tak kompleksiti isu ni?

Lima Tahun Kemudian

Aku sudah hampir nak percaya bahawa istilah client from hell, sudah pupus dari muka dunia. Rupanya tidak. Begini, hampir lima tahun selepas aku bertemu dengan klien yang memecahkan boiling point aku, aku bertemu semula dengan kategori klien yang sama. Kalau kau Google, ada banyak artikel yang designer dari serata dunia tulis tentang istilah client from hell. Kau tak percaya kau Google, mesti ada bro. Sebab istilah ni memang benda biasa dalam dunia seorang designer. Kalau kau bukan designer dan pernah hire seorang designer, doa-doalah yang kau tak tergolong dalam istilah client for hell ni.

Ini bukan proses memburuk-burukkan klien. Sebab kalau kau letakkan diri kau sebagai klien, ada juga designer from hell. Tapi, aku lebih mahu bercerita tentang kenapa wujudnya client from hell atau designer from hell ni. Jawapannya mudah. Mudah semudah meletakkan dalam satu perkataan sahaja, professionalism.

Ya, itulah apa yang aku dapat hasil daripada pengalaman tak seberapa aku selama lima tahun ini. Banyak hal yang profesionalisma ni boleh pengaruhi. Time management, work ethics etc. Tapi dekat sini, aku akan kaitkan satu perkara sahaja. Work relationship between a client and a design service provider, iaitu kau, the designer. Apa maksud aku dengan work relationship? Ok, mari aku ceritakan pengalaman aku berjumpa dengan klien lima tahun kemudian yang mana bila buku ini masih dalam proses penulisan, kejadian ini baru sahaja terjadi.

Projeknya, sequel of an event. Second year.

Tahun pertama kononnya ingat dah sedia nak take a loss, tiba-tiba meletup menjadi. Sampaikan ada VIP approve dan sebagainya. Masuk tahun kedua, mahukan sesuatu yang lebih bagus dari tahun pertama. Perjumpaan pertama aku dengan mereka was introduce by a brother's friend. Tahun pertama dia terlibat sama, tapi cuma masuk dua minggu sebelum event start dan tak ada sebarang bayaran. Itu sahaja, dah strike one.

Perkara sama yang terjadi dalam perjumpaan pertama untuk event tahun kedua ni. Dua pilihan. Become our sponsor, yang mana aku akan buat kerja dengan percuma tapi dapat kelebihan-kelebihan lain seperti exposure (sound familiar?), branding placement dan sebagainya. Pilihan kedua, dapat bayaran. Tapi, tak ada bajet sebab nak sewa dewan sahaja dah habis setengah juta dan ramai artis-artis yang dijemput semuanya nak kena bayar. First meeting, dah strike 2.

Guys, kalau in the future kau jumpa klien macam ni, tak ada kau boleh buat dah selain, lari.

Tapi aku, sebagai seorang yang profesional, aku masih kekalkan profesionalisma aku. Bila mereka habis bercerita semuanya tentang produk dia, then come my turn. So, tell me your story, kata mereka. Kau nak jual diri dan servis kau kepada klien, benda paling basic, what else if not your profile and portfolios, right? Tahu apa perkataan yang keluar dari mulut mereka? Sorry we don't like to look at portfolios. Sebab this is not real works, cuma assignments and whatever. Sekali lagi, aku kekalkan profesionalisma aku dan terangkan yang aku bukan student. Tapi, bangga jugalah sebab gaya aku nampak ada gaya student lagi (haha). Ataupun sebab kawan aku yang introduce aku dekat klien ni memang student lagi, jadi klien ni pun pukul rata saja ingat aku ni macam classmate dia kot. Jadi aku sambung cerita yang pengalaman dan lima tahun....ini projek yang pernah buat.... kebanyakan teater produksi dan sebagainya. Seyakin mana hati kau kata bahawa cerita aku ini adalah fiksi, percayalah bahawa memang ada orang atas dunia ini yang begitu. Susah nak terangkan kenapa dan mengapa, tapi cukuplah untuk buat kau faham bahawa,

perangai manusia ini pelbagai. Inilah yang aku maksudkan dengan work relationship. Tak kiralah kau siapa, klien mahupun designer.

Sebagai designer, kau kena tunjukkan respect kau sebagai orang yang menawarkan servis. Give a great presentation. Penampilan diri, profile, portfolio kau dan sebagainya.

Sebagai klien pula, expect the designer yang nak jumpa kau sebagai seorang yang profesional. Kalaulah dia seorangstudent sekali pun, kau tak rasa ke yang dia mesti nak impress dan nak jadi se-profesional yang mungkin untuk yakinkan kau bahawa dia boleh buat kerja. Lagipun, kau klien bukannya takat buat event sekolah je kan, cuma mampu hire student?

So, long story short, I had a second and third meeting with the client on the same day. Perjumpaan pertama dulu, mereka bagi aku assignment untuk penambahbaikan video untuk buktikan yang aku boleh buat kerja macam yang aku tunjuk dalam portfolio dan showreel. Jadi, tarikh perjumpaan kedua diset pada waktu pagi. That was when I get the bad news about the budget and the so call sweet talk. Bajet yang mereka ada untuk bayar aku cuma separuh dari yang aku quote dan sweet talknya, let's build a relationship first, plus third year we are pushing to bring the event to London.

Macam kawan aku cakap, perkara yang gharar (tak pasti), letak tepi jangan masukkan dalam konteks untuk buat keputusan. At the end of the day, keputusan yang aku buat adalah satu keputusan yang berat tapi tepat. Aku, mewakili tiga orang lagi team aku, withdraw. Satu persoalan yang aku nak lontarkan pada kau. Tadi, klien ni cakap dia tak ada bajet untuk bayar aku sebab dah bayar dewan dan artis-artis jemputan. Kalau boleh nak minta aku sponsor lagi bagus. Tapi, kenapa tak minta sponsor dari artis-artis atau dewan? Aku ni bukan manusia tak perlu hidup ke macamana? Artis-artis ni je ke yang nak kena bayar bil, isi minyak, tol, GST, nak kena sara keluarga? Designer biasa macam aku, klien macam ni ingat tiap bulan dapat BR1M RM4000 kot, kan?

Oh, sebelum aku terlupa. Perjumpaan kedua waktu pagi tu, asalnya appointment dengan bos besar. Atas alasan dia ada emergency meeting, jadi aku cuma berurusan dengan orang yang dipertanggungjawabkan untuk mencari creative service provider. Kiranya, dia tu macam Head Creative Department, tapi tak boleh buat final decision pun. Lepas perjumpaan-tak-jadi pagi tu, aku dah

balik dan dalam waktu lunch hour, dapat panggilan yang bos besar dia dah tengok video yang aku edit dan dia nak jumpa untuk bagi komen. Aku tak nak cerita panjang, tapi, satu komen yang cukup untuk buat kau rasa sangat tidak dihargai sebagai seorang yang profesional ialah bila orang komen kerja kau dengan beri markah /100. Aku fahamlah kalau video yang aku buat tu tak menepati citarasa untuk purpose yang kau mahu gunakan, tapi bagi markah? Mungkin dalam kepala kau ingat dengan bagi markah ni, orang akan dapat lagi jelas apa pendapat kau dekat kerja yang dia buat, tapi ni bukan sekolah, budak akan excited dapat markah. Dalam kata lain, bila kau bagi markah dekat full-grown up ni kira macam kau jatuhkan maruah orang jugalah. As simple as that.

Clients From Hell

Terus-terang aku katakan yang bab ini adalah bab paling pendek pada awalnya. Bahkan, beberapa kali juga bila aku cuba untuk revised semula bab ini, terdetik dalam hati aku untuk buang sahaja dari dimasukkan ke dalam buku ini. Kenapa? Sebab aku rasa kena berhati-hati sikit untuk menceritakan the dark side of being a designer. Sekurang-kurangnya the dark side dari segi pengalaman peribadi aku sendiri.

Aku cuba untuk tidak mahu kedengaran terlalu apologetic atau cuba untuk meraih simpati dari kau. Dan aku juga berhati-hati supaya tak menampakkan dengan jelas siapa dia orang jahat dalam bab ini. Hakikatnya, dalam mana-mana kerjaya pun ada occupational hazard mereka yang tersendiri. Untuk menjadi seorang designer yang hebat, kesan occupational hazard kau adalah dengan menjadi seorang manusia yang kering hatinya.

Sebenarnya, apa yang aku ceritakan dalam bab ini tak termasuk dalam semua industri kreatif. Aku bercerita berdasarkan pengalaman peribadi dan rakan-rakan. Boleh jadi kau tak akan jumpa pun klien-klien sebegini. Untuk aku, kerjaya awal aku boleh kata berliku-liku laluannya. Ibarat tayar kenderaan yang tiap-tiap hari keluar masuk offroad. Nak tahu komen paling teruk pernah aku terima sepanjang tempoh karier aku? Top on the list adalah seperti, “orang seperti kau tak guna otak pun nak buat kerja” dan

“kita orang akademik, orang macam kau mana tahu apa-apa pasal (benda/topik dibincangkan) ni.” Kejam, tapi itu realiti aku.

Kadang-kadang aku jadi piss off bila berjumpa dengan klien-klien macam aku cerita tadi. Yalah, sebagai syarikat yang buat event, paling asas awal-awal bila buat bajet, hal-hal kreatif ni kena ada. Aku tak ada pengalaman produce event, tapi aku ada sikit cebisan pengalaman tengok orang buat event. Lepas tu bila dah tak ada bajet, boleh pula minta sponsor dari bakal kru yang akan membanting tulang bila event tu mula nanti. Bayangkan kau pergi interview kerja, syarikat tawarkan kau kerja, bagi job scope dan sebagainya, tapi bila tiba bab gaji, syarikat cakap, dia dah tak ada bajet untuk bayar gaji, jadi dia minta kau kerja free. Lepas tu dia tambah, kau dapat makan dengan job experience, boleh masukkan dalam resume. Bila cari kerja lain nanti, dah ada pengalaman. Kau nak macam tu? Mungkin sebab dah banyak sangat syarikat RM2 dekat Malaysia ni, itulah jadinya. Tak ada profesionalisma.

Perangai manusia memang macam tu. Dan aku rasa orang-orang macam ni bila dia rasa dia ada kuasa, ada kedudukan, ada bloodline tertentu, dia rasa dia boleh cakap suka hati dia. Nasihat yang boleh aku katakan di sini untuk kau, bila kau satu hari nanti terjumpa dengan klien yang macam ni, withdraw sajalah. Bukan untuk tolak rezeki. Tapi, daripada kau membanting tulang 24 jam dengan pulangan yang sangatlah sikit; sekadar nak masukkan dalam credentials kau yang kau pernah terlibat dengan projek besar, tahulah bahawa rezeki tu luas. Tak guna kau menghabiskan segala jiwa, raga, tenaga kau untuk sesuatu atau seseorang yang tak boleh nak menghargai servis yang kau berikan, sebab akhirnya nanti apa yang kau dapat cumalah kesakitan. Tapi, kalau kau rasa clients from hell cuma pada perangainya tapi pulangan dia sangat memuaskan dan kau rasa kau boleh layan dan terima tembakan bertubi-tubi mereka, by all means, proceed. Tak ada orang halang.

P/S: Pernah viral dulu artikel '10 Sebab Kenapa Aku Menyesal Belajar Graphic Design'. Artikel tu cerita detail the occupational hazard of a designer. Boleh cuba cari walaupun aku tak berapa setuju perkataan 'menyesal' dalam tajuk dia tu. Sebab aku tak pernah menyesal.

Studio Pertama Aku

Cuma ada dua pengajaran yang boleh aku kongsi dengan kau berkenaan dengan studio kreatif pertama yang aku sama-sama bina bersama beberapa rakanrakan lain yang aku namakan sebagai 'Studio 1'. Ya, bukan nama sebenar. Tapi sebelum aku bercerita lebih panjang, sedikit pengenalan. Studio 1 ialah kombinasi dua nama daripada tiga pengasas studio ini. Bermula secara rasmi selepas aku berhenti dari kerja pertama aku dan meeting pertama kami untuk proses brainstorming ialah melalui Yahoo Messenger.

Ringkas tapi padat bukan? Baiklah, sekarang mari kita berbalik kepada dua pengajaran tadi.

Pengajaran pertama ialah, 'Just Do It'. Walau apa jua idea yang kau rasa cukup baik untuk kau jayakan, buat saja. Jangan tunggu esok, jangan tunggu lusa, jangantunggu sampai bila-bila. Buat sahaja! Kali pertama aku terfikir untuk mempunyai studio sendiri ialah ketika aku masih lagi bekerja keras tanpa pulangan di tempat kerja pertama aku. Aku kurang pasti bila idea itu mula muncul tapi aku yakin salah satu situasinya adalah ketika aku dalam kereta sambil memandu seorang diri dan kemungkinan besar juga hari tu hujan dan trafik di atas jalanraya sesak. Oh, ini adalah situasi yang sangat ideal untuk aku mencurahkan idea. My perfect moment.

Sebagaimana terdapatnya bisikan-bisikan poyo yang memaksa aku untuk menulis buku ini, samalah juga ceritanya dengan idea untuk berstudio milik sendiri.

Salah satu situasi bagaimana aku berimajinasi untuk mengasas studio ini mungkin bermula dengan aku berangan dan membayangkan bagaimana bentuk dalaman serta struktur binaan studio ini. Paling tidak pun, pejabat Google atau Facebook menjadi sumber rujukan utama. Tapi jauh di sudut hati, aku mahukan sesuatu yang lebih eksotik seperti renovasi semula gudang lama atau rumah kampung. Bayangkan, studio aku terletak di Batu Kikir, Negeri Sembilan. Yep, kampung aku.

Jadi, dengan jiwa yang bersemangat dan kononnya rancangan yang sudah cukup rapi, aku berkongsi idea ini dengan seorang rakan rapat yang juga akhirnya menjadi pengasas bersama kepada studio ini. Balas dia, boleh gak, jom!

Kurang sebulan kemudian, studio tempat aku bekerja fulltime dapat projek dari satu syarikat produksi yang dimiliki oleh seorang yang namanya agak besar jugalah dalam industri hiburan tanahair. Banyak gosip cinta, panas terpalit dekat nama dia. Anyway, tugas utama tempat kerja aku dulu ketika itu ialah creative design. Boleh kata hampir semua yang berkenaan dengan A&P design dari poster, bunting, billboard hinggalah kepada buku program rasmi. Dan tidak lupa juga, servis fotografi. Ya, inilah dia breakthrough untuk Studio 1.

Tunggu Lagi Sikitlah, Bro!

Bisikan kecil dalam hati kau yang suruh kau ‘tunggu lagi sikit’ itulah sebenarnya penghalang serta penyakit kepada satu permulaan adventure yang sebenar. Kalau boleh, bila ada bisikan-bisikan sebegini, kau cuba buat yang opposite. Ya aku tahu bila kau ada idea untuk buat sesuatu, kau tak boleh buat terus sebab kau perlukan bajet yang tertentu untuk bermula. Tapi, itu tak bermakna yang kau tak boleh nak bermula. Bermula secara kecilkecilan pun dah cukup. Planning, sebagai contohnya. Sekurang-kurangnya, langkah pertama dahulu.

Aku tak tunggu lama untuk cuba merealisasikan anganangan tengahari buta aku. Langkah pertama aku, berkongsi idea itu dengan seseorang yang aku percaya dan selesa bekerja

bersama. Apa yang jadi kemudiannya, lebih kepada wait and see sahaja. Tapi boleh aku katakan yang agenda wait and see aku berada atas landasan yang betul pada ketika itu. Dalam kata lain, being at the right place at the right time.

Siapa pernah tonton filem *The Social Network*? Lihat bagaimana Mark Zuckerberg mendapat idea untuk Facebook dari team Winklevoss yang pada awalnya menjemput Mark untuk sama-sama menulis kod membina Harvard Connection. Bagusnya Mark dia terus go for it dan bina Facebook. Winklevoss cuma menunggu Mark membalas emel dari mereka. Agak-agaknya berapa ramai yang ketika itu dalam fikiran mereka terfikir untuk membina sesuatu yang idea kasarnya adalah seperti Facebook, sebuah laman web sosial tapi cuma tinggal sebagai idea tanpa melakukan apa-apa?

Cuba bayangkan pula kalau seorang Ali pada tahun yang sama juga terfikir akan idea yang lebih kurang sama seperti Facebook dan go for it adakah dunia sekarang akan berbeza? Contoh aku ini adalah sangat idealistik, tapi tahukah juga bahawa zaman yang kita hidup sekarang adalah zaman yang teknologinya bergerak sangat laju? Kau tak tahu, kalau-kalau esok akan ada orang yang hasilkan satu idea yang tak jauh beza dari apa yang kau pernah fikirkan beberapa bulan lepas. Ini juga pernah beberapa kali terjadi kepada aku. Adalah paling tidak dua kali idea aku 'tercuri' oleh orang lain hanya kerana mereka berkeputusan untuk go for it instead of me sitting and playing the waiting game. Tapi aku tak menyesal pun. Sebab idea tu cuma idea kecilkecilan sahaja berbanding dengan the big idea yang aku ada. Jadi, apakah tindakan aku seterusnya? Perlukah aku untuk terus sahaja bermain-main dengan the waiting game? Atau just do it?

Sematkan Ilmu Di Dada

Pengajaran kedua berkait sangat rapat dengan pengajaran pertama. Iaitu buat perancangan sebaiknya. Sebab tanpa perancangan yang hampir sempurna, kebarangkalian untuk kau jatuh dan terus jatuh adalah sangat tinggi peratusannya.

Salah satu punca yang membuat Studio 1 kurang berjaya adalah kerana aku kurang memberikan penekanan untuk menghabiskan masa merancang strategi. Aku ingat lagi sebaik sahaja aku berkongsikan idea studio sendiri ini, topik diskusi kami yang seterusnya ialah nama studio ini nanti. Ya, sebagai seorang yang berlatarbelakangkan advertising, itu adalah satu langkah yang bagus sebenarnya. Cuma, aku terlupa bahawa untuk menghasilkan sesuatu branding memerlukan lebih daripada hanya sekadar nama. Maksud aku ialah, pada ketika itu aku cuma menghabiskan masa untuk memikirkan nama yang catchy dan evergreen tetapi dalam masa yang sama tidak memikirkan branding as a whole picture.

Betul aku dan rakan-rakan lain ada juga memikirkan hala tuju studio kami ini. Cuma sekarang bila memikirkan kembali perkara yang kami bincangkan dulu, ianya tidak terlalu menyeluruh cuma lebih kepada go with the flow. Asal ada nama, buat kerja design dan fotografi, seterusnya tunggu dan lihat sahaja. Apa yang aku cuba untuk sampaikan dalam topik ini ialah pengajaran buat kau yang mungkin satu hari nanti berkeputusan untuk buat sebagaimana yang aku buat dulu. Bekerja untuk diri sendiri jauh lebih susah sebenarnya. Banyak perkara yang kau perlu tahu. Walaupun sekarang ni kau rasa kaudah tahu cukup banyak, percayalah kau tak tahu banyak mana. Persediaan adalah segala-galanya.

Kesalahan pertama dalam pengajaran kedua ini ialah aku tidak gunakan sepenuhnya apa yang aku belajar dalam kelas Advertising Design dulu. SWOT analisis dan sebagainya. Manakala kesalahan kedua pula ialah aku tidak buat kajian yang terperinci.

Ini kerana aku tak punya apa-apa latarbelakang bisnes, management dan seangkatannya. Jadi, tak salah bukan kalau dulu aku buat sedikit online research atau tanya kepada mereka yang ahli dalam bidang mereka. Foolish act bila perasan kau hebat boleh buat dan konon-konon tahu semua benda.

Ilmu adalah segala-galanya. Orang yang tak cukup ilmu sahaja yang mengaku dirinya sudah cukup hebat tahu segala-galanya. Sebab, kalau betul kau seorang yang berilmu, ianya akan buat kau untuk bersifat zuhud. Merendah diri. Ilmu yang banyak mengajar seseorang itu untuk tunduk bahawa lagi banyak

yang kau tahu, lagi banyaklah sebenarnya yang kau tidak tahu. Cuba kau tengok ulama-ulama yang hebat di luar sana. Ilmu mereka hebat. Tapi, pernahkah kau berjumpa dengan seorang ulama yang menganggap dirinya sangat hebat dan perlu dipandang mulia? Kalau ada sekalipun, mereka itu tak tergolong dalam golongan ulama'lah. Lagi kau tengok mereka, lagi kau rasa mereka tidaklah hebat mana sebenarnya. Betul?

Hidup Diteruskan

Tapi, bukan semuanya negatif semata-mata dengan Studio 1. Kegagalan sebenarnya lagi banyak mengajar kau sesuatu. Macam aku cakap dalam chapter buat salah tadi. Kalau kau betul-betul yakin dengan idea yang kau ada, mengaku kalah bukanlah perkataan yang patut ada dalam kamus hidup kau. Aku belajar banyak perkara dari perjalanan menghidupkan Studio 1. Bahkan, banyak juga sebenarnya memori indah aku di sini. Walaupun aku dan rakan-rakan tidak sampai kepada hasrat kami untuk memiliki fizikal studio sendiri tapi dengan adanya beberapa projek yang agak besar ketika itu sudah cukup untuk diletakkan sebagai pencapaian yang boleh dibanggakan oleh Studio 1.

Antara perkara yang paling banyak mengajar aku ialah, sebenarnya dalam dunia ini tidak ada perkara yang susah kalau kau betul-betul rajin untuk belajar. Betul. Masa aku mula-mula bekerja dulu, atau masa tahuntahun awal ketika aku masih belajar dulu, aku rasakan proses teknikal dalam satu-satu kerja design adalah sangat membebankan. Tapi, selepas kerja pertama dan Studio 1, mata aku terbuka luas. Ibarat segala hijab yang ada antara aku dan dunia, sudah terbuka. Tak ada perkara yang susah, sebab semuanya ada cara untuk kau pelajari. Andai perkara itu betul-betul susah sekalipun, kalau sifat rajin dalam diri kau sangat tinggi--bak kata mereka, *practice make perfect and there is no substitute for it*.

Kenapa dulu semua perkara susah dan sekarang, tibatiba menjadi senang? Sebab sebenarnya, dalam dunia design khususnya, dunia ini adalah subjek dunia yang berbentuk subjektif. Dalam kata mudahnya, tak ada cara salah, tak ada cara betul. Yang

ada cuma, cara mudah atau cara susah. Cara kau sendiri. Kalau punkau sudah terbiasa dengan satu-satu cara yang spesifik, pasti akan ada satu hari nanti, orang akan tunjukkan kepada kau cara mereka yang nampaknya adalah cara yang lebih mudah.

Contoh. Dulu aku rasakan bahawa, lighting dalam fotografi atau videografi adalah satu perkara yang aku tidak reti langsung. Susah untuk aku kuasai. Hinggalah satu hari, seseorang tunjukkan kepada aku cara dia sendiri untuk dapat hasilkan yang sama dari seorang otai yang pernah aku lihat buat dulu. Katanya, semua ni ikut feel sendiri saja.

Terakhir sekali buat kau, walau apa jua idea yang sekarang ini muncul dalam fikiran kau, 'Just Do It' tapi dalam masa yang sama buat juga satu perancangan yang cukup rapi. Kalau tidak terperinci sepuluh tahun ke hadapan pun, paling tidak kau sudah ada rancangan dalam jangka masa pendek. Letakkan mungkin, 6 bulan ke setahun yang pertama dulu. Oh, jangan lupa, terus cari ilmu.

Buat saja!

Kau gagal? Jadi?

Projek studio pertama aku tidak berakhir dengan baik. Aku tidak mahu menggunakan perkataan 'gagal' sebab secara keseluruhannya, Studio 1 tidak gagal. Cuma, atas beberapa setback yang tidak dapat dielakkan, keputusan yang aku dan rakan-rakan seperjuangan putuskan merupakan keputusan yang terbaik pada ketika itu.

Tapi, adakah bermakna tidak berjaya sekali, aku terus mengaku kalah? Tidak.



Aku teruskan kehidupan serta perjuangan aku sebagai seorang graphic designer. Rakan-rakan aku yang bersama dalam Studio 1 melangkah jejak masing-masing, buat apa yang mereka yakinkan.

Dunia ini cukup besar untuk kau teroka dan setiap inci dari sudut-sudut dunia ini, sudah tertulis sesuatu untuk kau. Cuma untuk kau cari dan pegang bila dia datang.



Macam VIP —Entahlah

Saja nak buat kau tahu, aku tak sebut ‘idea’ sebagai ‘ai-deeyear’. Aku lebih suka, ‘ee-dee-ya’. Saja nakal-nakal. Jadi, letak dalam kepala bila baca bab ni dan seterusnya, idea berbunyi ‘eede-ya’. (Whatever-lah kan.)

Bila orang tanya, mana aku dapat idea untuk buat sesuatu hasil kerja yang aku lakukan, aku akan jawab, dalam traffic jam.

Kalau kau nak tahu, dulu, banyak idea aku datang semasa aku terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. In fact, the idea of my personal apparel brand came from a long road back home from work in a highway called the NKVE. Masa tu baru lepas maghrib, hujan, jadi idea free flow begitu sahaja.

Suatu ketika dahulu, zaman-zaman ketika masih sekolah dan tahun-tahun awal universiti, aku suka untuk terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Bila sudah habis beraya dan mahu pulang semula ke kesibukan hidup bandar dan perjalanan dua jam menjadi lebih lapan jam, hati aku berkata, ‘yes, jam! Alhamdulillah.’ Untuk aku, bergembiralah di tempat duduk belakang sebab yang memandu ialah abah. Sekarang, baru kau tahu betapa seksanya tersangkut memandu dalam trafik! Bila dah bertahun-tahun jadi driver, kenikmatan tersangkut dalam trafik bukanlah lagi satu kenikmatan. Ini, sekurang-kurangnya adalah cara aku satu masa dahulu. Sekarang, banyak bergantung kepada situasi dan masa. Kalau cuaca tak berapa panas atau sedang hujan, mungkin aku boleh serba-sedikit menikmati saat itu. Tapi memandangkan

sekarang cuaca di Malaysia adalah cuaca panas, bahkan ada kemarau di beberapa tempat, perkara pertama yang terlintas dalam kepala aku ialah, cepatlah sampai rumah kepala aku dah berserabut dah ni. Tapi kalau betul aku tidak dapat mengelakkan diri dari tersangkut dalam trafik, aku akan melayangkan fikiran aku tanpa perlu tertumpu sangat kepada keadaan trafik. Dari situ, idea juga akan datang mengalir macam air.

Cara untuk mendapatkan idea bergantung kepada diri masing-masing. Lain orang, lain caranya. Tapi satu perkara yang boleh aku pastikan, bersandarkan kepada kajian tak bertaulah aku, bila kau mahu mencari idea, jangan set dalam kepala, ok sekarang jom cari idea. Kau ambil laptop, buka Illustrator atau Photoshop dan dalam kepala kau terdetik, idea sila datang sekarang.

Tak akan berlaku, dik!

Ada sesetengah perkara dalam dunia ni yang tak boleh untuk di paksa. Bila waktu kau makan? Bila kau lapar, bukan? Kau boleh tak nak agak dalam berapa jam lagi kau nak lapar? Perasaan lapar tu cuma datang bila badan kau sudah bersedia sahaja. Walaupun kau dah tak makan hampir 24 jam sekalipun, tapi disebabkan badan kau belum bersedia untuk terima makanan, kau tak akan makan juga, kan? Tak tahulah kalau contoh aku ni kena pada tempatnya.

Walaubagaimana pun, itulah poin yang aku cuba nak sampaikan bahawa pencarian idea ni tak datang kalau kau paksa. Duduk menghadap skrin komputer dengan mouse di tangan bersedia untuk melakar the idea that's suppose to come a few minutes ago, memang tak akan berlaku sama sekali. Jarang untuk berlaku. Kalau berlaku pun mungkin sekali-sekala bila in the mood atau selera makan tinggi. Tak lapar pun masih nak telan makanan.

Tapi, kebarangkalian untuk kerja yang kau hasilkan itu tak berapa nak original adalah tinggi. Boleh jadi juga repetition of design, macam kerja bulan lepas. Macam makan tadi. Selera tengah membuak-buak, dah kenyang tapi masih rasa nak telan makanan, apa kesannya dekat badan kau? Kalau aku terlebih makan, ada satu bahagian dekat belakang badan aku akan rasa sakit-sakit. Rasa dia

Balik Kampung



macam padat sangat badan dengan makanan sampai tak ada ruang kosong untuk bernafas, badan jadi sangat tidak selesa. Begitulah dia dengan design. Kau paksa, side effect dia mesti tak sedap badan. Berhempas pulas sepanjang malam. Hasilnya, cuma dapat benda yang sama macam klien kau dua, tiga bulan lepas. Macam takmasuk pula perumpamaan dua subjek ni. Tak apalah, aku rasa kau get the idea.

Alamak, Idea Datang Tak Diduga

Macamana pula kalau idea datang dalam waktu yang palinglah tidak sesuai. Dalam jamban misalnya. LOL. Atau masa tengah tunggu tren. Masa beratur dekat Dave's Deli. Cano?

Simple, be prepared.

Kalau ada satu nasihat yang boleh aku berikan kepada kau dalam proses mencari idea, nasihat aku ialah sila sediakan satu buku sketch dan pastikan buku sketch tu ada dekat sisi kau setiap masa. Dan satu pen yang 'sedap'.

Dulu, masa aku masih bersemangat waja untuk menakluk dunia dengan design, aku ada senaskhah buku sketch yang cool gila. Bukan nak kata sekarang aku dah tak bersemangat waja, cuma dia dah tak berapa trending. Untuk aku, sketchbook ni ada season dia. Setiap enam bulan minimum. Sekarang aku ada satu buku bersaiz kecil sikit dari A5, warna hitam dan ada ikon moustache. Hipster sangatkan?!

Ataupun kalau kau rasa susah sangat, kau kuatkan memori kau. Habis cerita.

If you put very few
things on a page, you
leave lots of room
for the **imagination**s.

Dick Bruna

Kalau kau letak sedikit benda dalam satu tempat, kau tinggalkan
banyak ruang untuk imajinasi.

Pergi keluar sana, mengembara satu dunia, buka mata.
Dari situ, jiwa kau akan lebih luas untuk terima bahawa,
banyak sebenarnya yang dunia nak offer.



Opera House



Rahsia—Kau, Manusia Lemah

Salah satu perkara terawal yang aku lakukan bila aku mula menjejak masuk ke dalam industri ialah aku embrace my weaknesses. Oklah mungkin tak berapa true sangat, saja kasi poyo sikit. Tunggu gaji pertama mungkin adalah perkara pertama yang aku buat. Berdasarkan kepada pengalaman aku, kebanyakan 'orang-orang baru' yang aku jumpa (ok, sumpah ini sudah perasan macam orang lama sangat) ialah kebanyakan mereka tidak berani untuk mengaku apa kelemahan mereka. Bila diberikan satu-satu tugasan, maka dengan gaya yang sangat hebatnya mereka meyakinkan aku ataupun orang sekeliling mereka bahawa perkara yang diminta untuk mereka lakukan itu adalah their specialty.

Seminggu atau beberapa masa kemudian bila deadline dah dekat, hasil yang mereka tunjukkan adalah sesuatu yang boleh buat kau rage seantero dunia. Serius. Jadi nasihat aku, sahabat-handai, rakan-taulan sekalian, please embrace your weakness first. Tak kisahlah kalau perkara itu adalah perkara yang sepatutnya menjadi asas untuk semua designer ke, as long as its your weaknesses, embrace it dan jangan takut untuk mengaku yang kau tak tahu. Sebab tak ada ruginya pun kalau kau bersuara dari awal. Mungkin pada awalnya akan ada orang-orang yang pandang rendah dekat kau, tapi sampai bila sangatlah nak jadikan kau bahan bualan coffee table, kan? Tapi, kalau kau taknak mengaku kelemahan kau, terpulang. Cuma jangan mengaku yang kau tahu, lepas tu kantoi yang kau tak tahu pula. Itu dah jatuh hukum menipu. Keyword aku,

kantoi. Kau nak buat-buat tahu perkara yang kau tak tahu? Buatlah. Janji jangan kantoi sudah.

Sebab aku sangat yakin dan berani untuk ugut kau bahawa kalau kau dah kantoi menipu kau cakap tahu padahal kau tak tahu, perkara itulah yang orang akan ingat sampai mati. Kalau hal kecil, mungkin boleh di maafkan. Tapi kalau hal besar? Projek besar main jutajuta, tak ke naya kau dibuatnya!

Website Bukan Forte Aku

Aku tak suka coding. CSS, PHP dan sebagainya. Kalau dapat projek website yang mana aku tahu perlukan banyak knowledge tentang coding, aku akan mula hilang mood. Diva sangat. Bukan apa--ini cerita benar--setiap kali aku cuba untuk buat coding, tak perlu pergi jauh, katakan basic HTML sahaja, bila dah tak jumpa atautak jadi benda yang aku nak, aku akan pening. Jadi, apa yang biasa aku buat kemudiannya, ialah klik sahaja butang X itu and let's move on to another project.

Sebab itu, aku tak pernah ambil projek buat website. Betul kata orang yang buat website ni senang. Tak banyak kos. Duduk menghadap komputer dan tulis kod sahaja, jadi jimat banyak masa. Tapi untuk aku, daripada aku menyusahkan diri buat perkara yang aku kurang minat, baik aku tumpukan kepada hal lain.

Bagi kelemahan yang melibatkan technical skill atau software skill, ia tak akan kekal lama untuk menjadi kelemahan kau. Sebab katalah kau berusaha untuk belajar betul-betul software tersebut, satu hari nanti kau akan jadi master juga. Macam aku cakapkan dalam bab sebelum-sebelum tadi, there is no substitute for practice dan praktis ini adalah satu-satunya kunci untuk kau jadi hebat dalam segala apa yang kau buat--atau apa yang kau pilih untuk jadi hebat di dalamnya. Aku tak pilih website, of course. Tapi, tak tahulah kalau-kalau satu hari nanti aku rasakan yang website bakal menjadi sumber pendapatan utama aku, mungkin aku akan pertimbangkan.

Kelemahan Semulajadi

Sesuatu yang susah untuk kau ubah 100% tapi dalam satu-satu tempoh masa, sedikit sebanyak boleh untuk kau tangani atau paling kurang pun untuk kau take control.

Siapa pernah tonton filem ‘The King’s Speech’? Berkisarkan kepada cerita King George VI, seorang raja Great Britain dan Utara Ireland suatu masa dahulu, yang mana kelemahan diri baginda ialah baginda gagap bila berhadapan dengan rakyat jelata untuk memberi ucapan walaupun dah ada teks. Permulaan plot, ada satu babak yang baginda perlu beri ucapan dan tahap masalah gagapnya adalah pada satu tahap yang sangat kritikal. Atas kapasiti itu, isteri baginda mengambil keputusan untuk selesaikan masalah ini dengan mengupah seorang speech therapist dan membantu King George VI dalam menangani masalahnya.

Awalnya, terapi yang diberikan, pelik dan mengarut dan buat King George VI bengang dan berputus asa. Tapi bila baginda mendengar satu rakaman suara baginda sendiri sedang membaca teks yang direkod oleh speech therapist tadi membuatkan King George VI mula yakin yang dia boleh selesaikan masalah baginda. Aku rasa aku tak perlu cerita lebih detail sebab aku rasa kau pun mesti pernah tengok filem tersebut. Tapi kalau ada yang belum, silalah pergi ke kedai-kedai DVD berhampiran anda, beli filem ‘The King’s Speech’ dan tonton. Atau download torrent. Ikut mana yang kau mampu.

Cumanya, apa yang aku nak kata di sini ialah kau mesti ada masalah sebegini walaupun kau tak nak mengaku. Mungkin ada yang gagap bila dalam presentation, mungkin ada yang jenis tak boleh duduk diam, berpeluh-peluh lencun ataupun mungkin ada juga yang jenis tak boleh berhenti bercakap sampaikan pitch 30 minit pun boleh berlarutan sampai 2 jam.

Mesti ada dari kalangan kau, pembaca budiman. Aku pun ada kelemahan tersebut. Aku rasa aku tak gagap bila berdiri di hadapan pentas. Melainkan persediaan yang tak menyeluruh, then yes. Aku juga bukanlah penyampai yang hebat sangat. Mungkin lebih kepada seorang presenter yang 50-50 sahaja. Tapi, satu perkara yang aku yakin ialah sukses pitch aku bergantung banyak

kepada kepercayaan dan persediaan aku terhadap idea yang aku nak sampaikan.

Tapi walau sebanyak mana pun kau dah bersedia, mesti ada satu small detail yang kebanyakan masanya buatkan self esteem kau jatuh sedikit sebanyak. Boleh jadi kau pelat satu-satu huruf yang buatkan orang keliru. Boleh jadi kau jenis yang cakap laju sampai orang tak faham. Boleh jadi juga kau jenis yang tiba-tiba blackout. Bolehjadi, boleh jadi dan boleh jadi. Perkara-perkara 'boleh jadi' sebeginilah yang memang kau susah nak elak. Kadang-kadang kau dah ambil masa berjam-jam berlatih bercakap di depan cermin, kau ada kawan-kawan atau famili yang sentiasa ada untuk memberi sokongan yang buatkan tahap keyakinan kau dah mencapai kepada tahap, let's go for it, I can do this!

Kemudian, datang giliran kau. Kau berdiri di hadapan orang-orang besar syarikat, satu per satu wajah-wajah orang yang jauh lebih otai dari kau diperhatikan dan dengan melihat betapa seriusnya air muka mereka, terasa seperti mereka dah bersedia untuk terkam kau bila-bila masa sahaja dan bila tiba masa untuk kau bersuara, !@#%&^*.

Kau tahu kau sedang menyampaikan idea kau, cuma kadang-kadang kau sendiri pun tidak berapa pasti apa yang kau cakapkan. The words are coming out, but you can't hear the words that you are saying. Faham tak apa maksud aku? Inilah apa yang aku katakan sebagai, total blackout. Mulut bergerak, body language ada tapi bila kau dah selesai, dah keluar dari bilik presentation, kau cuba untuk ingat balik apa yang kau kata, tak boleh. Pada masa itu, cuma ada dua kebarangkalian sahaja. Satu, pitch kau terbaik dan mereka faham dan suka, ataupun boleh jadi sangat confusing. Too bad.

Cerita yang aku sampaikan ini adalah berdasarkan sepenuhnya kepada pengalaman peribadi aku. Aku rasakan, ini adalah senario aku diberi peluang untuk sell paling teruk yang pernah aku alami. Aku tak ada penyelesaian yang muktamad kepada permasalahan ini. Tapi, berdasarkan kepada pengalaman, apa yang aku rasakan yang boleh untuk kau buat ialah kau perlu berikan sepenuhnya persiapan, bila kau rasa persiapan kau dah cukup bagus, kau perlu bersedia untuk the worst ever dan yang

paling penting, confident pada tahap tertinggi. Tapi, perlu seiring juga dengan apa yang kau ingin sampaikan. Idea bukan sekadar idea yang acuh tak acuhlah. Kena nampakkan bahawa idea pitch kau adalah idea yang kau dah habiskan masa yang lama untuk hasilkan. Idea yang berkualiti. Dengan dua cara ini sahaja bila bergabung, baru meletop!

Macam buat kek (ya, aku selalu guna perumpamaan buat kek). Kek ni secara amnya ada dua bahagian. Bahagian pertama, bahagian luarannya, rupa bentuk dia, warna dia dan sebagainya. Bahagian kedua, bahagian dalaman. Rasa dia, texture dan sebagainya.

Kalau bahagian luar dah hancur, orang dah tak terasa nak makan dah, sebab kalau rupa pun dah buruk, persepsi orang mestilah rasa dia pun tak sedap. Itulah gunanya first impression. Walaupun don't judge a book by its cover, tapi kata-kata ini tak boleh nak pakai dalam semua perkara. Samalah juga kalau sebaliknya. Rupa cantik bukan main nampak grand, macam designer's cake, tapi bila rasa dalaman dia, boleh bawa orang masuk wad pun tak guna juga. Betul tak?

Keduanya, tentang confident tadi. Jangan lebih sangat dan jangan kurang sangat. Kena cukup-cukup rasa. Sebab orang keliling kau boleh nampak yang kau confident atau tidak dengan apa yang kau sampaikan. Kalau pun idea kau itu idea yang 'biasabiasa' sahaja, tapi kalau cukup ingredient confident-nya, boleh jual juga.

Tak percaya, kau boleh cuba.

Kau Pakai Body Apa Sekarang?

Satu masa dulu, persoalan ini adalah antara topik-topik perbualan yang panas bila aku lepak dengan rakan-rakan satu bidang dengan aku. Tidak! Sekurang-kurangnya bukanlah satu topik yang panas sangat. Cukup sekadar, oh aku pakai D300s, boleh tahan. Walaupun tak fullframe tapi cukuplah nak kasi kerja jalan. Habis.

Tak perlu nak cakap besar. Aku baru angkut body baru semalam. Lepas tu member kau tanya balik, eh bukan 2 minggu lepas kau baru angkut ke? Oh, yang tu dah lama. Keluar body baru, tukar barulah, baru power.

Power menunjuk. Tapi kerja tak ke mana pun.

Tahulah bahawa kehebatan seorang creative player tak bergantung kepada sehebat mana body atau spesifikasi Mac yang kau pakai. Kau beli body fullframe tapi ambilgambar tak pakai 'mata' tak guna juga. Beli MacPro highest spec tapi guna buat Power Point presentation sahaja pun tak ada guna. Kalau kau ada MacPro buatkan kerja kau jadi lebih efisien, ok aku kasi peluang. Tapi sekali lagi, tengok juga kerja apa yang kau buat. Aku tak halang kalau kau mahu guna yang terbaik technology have to offer. By all means, go ahead, man. Tapi aku ada masalah bila kau cakap kau ada yang terbaik dengan cara yang penuh berlagaknya macam kau dah buat perkara-perkara yang hebat gila tapi hakikatnya setakat buat event hari sukan budak sekolah sahaja.

Macam kejam bunyi topik chapter ni. Sikitlah mungkin. Tapi, macam aku pernah awal-awal sebutkan, terpulang kepada kau untuk tentukan halatuju buku ini. Boleh jadi ianya kisah benar, boleh jadi ianya partially kisah benar yang difiksyenkan untuk jadi lebih menarik. Kalau kau terasa, itu masalah kau. Kalau kau rasa aku over, itu hak kebebasan bersuara kau untuk beri pendapat. Aku ok both ways.

Ini adalah bahagian yang paling menjengkelkan sekali. Bila kau ada kawan atau kenalan yang tahu kau fotografer atau designer, dan dalam masa yang sama dia pun berminat dan dah mula berjinak-jinak ‘main’ kamera atau mula belajar Photoshop, Illustrator dan satu hari, bila dia ajak kau lepak atau kau terserempak dengan dia, borak-borak sikit, bila masuk borak bab profesion kau, dia tak tanya dan taknak ambil tahu pun pasal hasil kerja kau dan sebagainya tapi dia lebih nak tahu apa ‘barang’ yang kau pakai sekarang.

Putting cream on the cake, dia judge kau power bersandarkan kepada ‘barang’ yang kau pakai sekarang, tapi dengan cara yang sangatlah tidak kena, “kau hebat bolehlah pakai iMac 27 inci”—memang takda kena-mengena langsung.

Itulah yang orang tak berapa nak faham. Dah berkali-kali aku cakap bahawa apa yang kau guna tak melambangkan langsung kehebatan skill kau. Cuba bayangkan Michael Shumacher zaman kemuncak dia, kalau dia tak bawa Ferrari, dia bawa Petronas (aku tak ingat apa nama team yang ada Petronas sekali tu) ke, kau rasa dia tak akan hebat ke? Mungkin lah ada perbezaan sikit. Tapi aku tak rasa yang dia akan jauh tersasar dari tempat masa zaman kemuncak dia dulu. Samalah macam geng-geng aku, designer dan fotografer ni. Banyak kali, bila ada junior-junior yang datang dekat aku dan cuba nak belajar sesuatu, bila dia mula komen tentang gear yang aku pakai, aku akan cakap kat dia, bro, tak kiralah apa komputer kau pakai, Mac atau Windows, kamera Nikon atau Canon, semua benda tu cuma barang yang kau guna untuk buat kerja kau. Tak lebih daripada tu. Kau pakai laptop high end macamana pun, kalau idea tak nak datang, tak kemana juga design kau.

Betullah banyak limitasi kalau pakai kit lens yang introductory level sahaja, tapi itu tak boleh untuk kau jadikan

penghalang untuk kau capai apa yang kau mahu capai dengan hasil kerja kau. Sebab, creativity find its way. Cuba kau baca post legend fotografer Saiful Nang dekat Facebook page dia, bila dia cerita pasal kamera.

Dari awal-awal dia bermula dulu sampai sekarang. Macamana cara dia guna apa yang dia ada dulu. Mentaliti dia masa awal-awal dia mula. Dan, creativity dalam konteks perbincangan aku sekarang ialah cara pemikiran kau, lah.

Cuma, memang betul sebagai seorang designer, aku lebih ke arah Mac berbanding Windows. Sekarang ni pun, aku guna Macbook Pro. Tapi, bukan sebab aku banyak duit atau kaya aku boleh beli Mac tapi memang ada sebab dari segi teknikal dan work efficiency nya. Kau boleh nak argue yang kau mungkin guna Windows pun ok saja tak ada masalah? Tak apa. Kau ada arguments kau dan aku pun ada arguments aku. Berhenti di situ.

Working Culture

Aku rasa, aku boleh cakap untuk semua designer bahawa, topik filing system adalah satu topik yang sangat lejen. Yalah, mana tidaknya. Cuba kau cari lima orang kawan designer yang kau kenal dan kau tengok desktop komputer mereka. Tak semestinya dia fulltime designer sahaja, boleh jadi seorang fotografer juga. Heck with it, kau tengok sahaja desktop komputer lima orang kawan kau tak kira apa kerjaya mereka. Dalam lima orang ini, berapa orang yang 'bersih' desktop mereka? Paling kurang mungkin seorang. Paling logik mungkin tak ada seorang pun. Kalau kelima-lima kawan kau 'bersih', pegang mereka erat-erat sebab mereka adalah a keeper.

Aku tak ada statistik rasmi untuk perkara ini. Tapi cukuplah untuk aku gunakan instinct aku untuk kata yang majoriti dari kau tak berapa nak 'bersih' desktopnya.

Jadi, apa kaitannya sekarang? Its a working culture. Itulah yang aku cuba nak ketengahkan sekarang. Perkara ini nampak macam remeh, tapi secara peribadinya untuk aku, perkara remeh ini boleh membawa kepada satu perubahan yang sangat

besar. Kalaulah satu hari nanti, studio aku bakal berkembang besar, aku mahu letakkan satu etika kerja bahawa atas desktop kau tak boleh ada lebih dari dua folder dan fail.

Sudah beberapa kali aku bertemu dengan orang-orang profesional yang selalu bertembung dengan masalah ini. Aku bukan nak cakap mereka tidak profesional, tidak. They are the very best at what they do. PR Manager, economist, ahli politik, journalist dan sebagainya. Tapi, selalu timbul satu 'masalah' bilamana mereka minta aku emel semula apa-apa design yang aku buat untuk mereka hanya kerana mereka tak boleh nak jumpa dekat mana mereka letak fail yang aku emel baru semalam. Kebetulan pula, emel aku dia dah ter-delete.

Selalunya situasinya begini berlaku bila dah ada beberapa amendments yang berlaku dan dah beberapa kali aku emel fail yang sama dengan perubahan yang minor, tapi mereka dah misplace. Hanya kerana sistem filing yang berterabur.

Bukan aku tak nak emel baru. Tapi selalunya, masa mereka minta aku emel semula, adalah ketika perkara tu dah jadi super-urgent untuk mereka. Kalau aku tengah melepak dekat rumah tengok TV tak apalah, tapi kalau aku dalam flight? Aku dekat luar ada program, nak buatmacamana? Sedangkan fail yang mereka minta aku emel semula itu aku dah emel awal-awal 2-3 hari lepas.

Masa aku bekerja disebuah studio clothing di Taman Melati dulu, dalam satu-satu tempoh masa tertentu, bos akan panggil staf-staf mereka seorang demi seorang. Berbincang tentang perihal kerja dan sesi soal jawab. Ada satu masa, aku dipuji disebabkan sistem fail aku yang sistematik. Aku cakap sebab dah terbiasa buat dari awal dulu dan tak boleh tengok benda berterabur banyak-banyak nanti keliru. Baik punya mengayat bos, kan! Lepas tu bos pun cakap, perkara ni sebenarnya habit. Benda dah selalu buat, jadi dah terbiasa. Ada sesetengah habit yang baik, datangkan kebaikanlah, yang tak berapa elok, tak eloklah kan.

Tapi macamana bos aku boleh tahu aku ada sistem fail yang baik? Sebab dekat studio tu mereka guna Dropbox. Tapi bukan yang versi percuma setakat 2-3 gig. Ini versi yang kena bayar dan unlimited storage.

Kau mungkin tak nampak sangat lagi apa functionnya sistem fail yang sistematik ini, tapi bila satu hari nanti kau bekerja dalam satu kumpulan, masa itu mungkin kau akan dapat rasa kenikmatan dia. Mungkin bukan untuk kau sendiri. Tapi untuk kau yang kena takeover orang lain punya kerja dan orang yang kau takeover kerja dia tu, sama macam kau tak ada sistem fail. Masa tu kau berharap sangat yang mamat yang kau takeover tu boleh susun fail dia betul-betul, jadi tak adalah kau nak sakit kepala mencari satu persatu.

Cerita ni pernah jadi dekat isteri aku. Syarikat tempat dia kerja bagi semua pekerja dia laptop. Bila ada orang berhenti kerja, dia kena pulangkan laptop tu semula. Kalau syarikat dah ada replacement untuk orang yang berhenti tu, fail-fail kerja lama, budak replacement kena ambil dari laptop yang budak berhenti kerja tadi guna.

Kau pun tahukan, semua perkara yang orang cakap-cakap pasal kau boleh jadi doa. Doa baik-baik, jadi baiklah kau. Sekali dia sumpah seranah kau, macamana? Mungkin tak kena dekat kau tapi kena dekat anakanak kau nanti. Dalam Islam tak ada karma, kita guna kafarah. Mungkin nanti anak-anak kau pula persepahkan rumah sampai nak pecah kepala kau dibuatnya. Gitu, bagi tazkirah ke? Bagi aku, sistem kerja kau banyak menceritakan tentang peribadi kau. Ini pendapat peribadi aku. You have the right to differ. Mungkin ia tak menggambarkan dengan tepat tentang skill kau sebagai seorang designer, tapi aku boleh banyak tahu tentang peribadi kau. Mungkin cara kau terima kritikan sebagai contohnya. Ataupun time management. Dan cara kau bagi nama dekat fail-fail kerja kau, bagi aku menceritakan tentang betapa seriusnya kau terhadap kerja-kerja atau klien-klien yang kau sedang handle.

Zaman sekolah bolehlah kau nak bagi nama fail kau lala.jpg, lala2.jpg sebab siapa sangatlah yang beri tahap keseriusan yang tinggi dekat assignment, kan? Tapi, kalau kau buat projek beribu-ribu ringgit, dia tengok nama fail yang kau emel dekat dia cuma lala.jpg, apa kau rasa dia rasa? Jenis klien tak kisah, mungkin dia gelak-gelakkan saja. Tapi kalau dapat yang jenis serius profesional gila?

Aku dan kau hidup dalam komuniti. Kau rasalah sekuat

mana pun yang kau cuma akan bekerja seorang diri selamanya, satu hari nanti laluan kau akan bertindih juga dengan laluan orang lain. Masa tu, mungkin kau akan berharap sangat yang kau boleh ubah perangai-perangai orang di sekeliling kau. Jadi, sebelum tiba hari penyesalan kau tu, aku dah terbitkan buku ni untuk kau baca dan foreseekan masa depan kau. Tak perlulah untuk kau melalui hari penyesalan itu nanti, ok tak?

Tapi kenalah ubah. Mula dari sekarang. Tanamkan dalam work culture kau habit yang baik-baik. Bila dah terbiasa, boleh pula untuk kau sebarkan dekat orang lain.

Let's make earth a better place. people!

Set Studio @ Sg. Besi



Benda Kualiti Tak Datang Dalam Harga Murah

Not entirely true.

Sememangnya bila klien ada bajet yang besar, kerja-kerja yang dihasilkan boleh pergi jauh lebih baik. Banyak kemudahan-kemudahan yang perlukan kos tinggi akan mudah untuk diperolehi. Tapi, bergantung jugalah. Kalau manusia jenis yang fikir cuma untuk kenyangkan perut sendiri, bajet tu kena lalu tol sebelum sampai dekat kau, kau pun dah biasa dan tahu how the story usually ends, right?

Dengan situasi yang aku gambarkan ni, kebanyakan mereka yang terbitkan filem, buat grafik, reka design adalah kerana passion untuk hasilkan sesuatu yang berkualiti dan puas hati; yang boleh beri makna, impak—mereka ni boleh buat walau dengan bajet yang kecil dan sumber yang terhad. Aku pernah jumpa orang begini.

Jadi apa lagi alasan kau untuk kata tak boleh bila ada ramai sahaja orang dekat luar sana yang boleh buat apa yang mereka buat dengan berbekalkan resources yang kau dah memang ada dalam tangan sekarang ni? But, this was written more than a decade ago and as time flies, things changed. Contoh yang aku bagi dekat atas ni, kalau sekali-sekala tu bolehlah ataupun selalunya, para umat Creative ni akan buat dekat passion project mereka sahaja. Paling jauh boleh pergi pun, kalau nak tolong-tolong member. Kalau real actual project yang kau engage designers, awal-awal dah kata takda bajet, tahum dah 2026 ni, goodluck-lah kena bash dekat Threads nanti.

Gambar muka sebelumnya—kerja video penerangan cukai GST oleh Rafizi Ramli. Sungai Besi, Kuala Lumpur; sekitar 2013/2014.

Buang kata 'Boleh' dari Kamus Kau

Antara perkara paling susah sebagai seorang freelance designer ialah untuk bercakap 'tidak' kepada orang. Aku tak tahu bagaimana dengan kau tapi bagi aku ini adalah satu perkara yang sangat susah, sebab bila kau pernah duduk dalam satu situasi yang sangat kritikal dalam hidup kau, anything and everything will do.

Entahlah, mungkin juga sebab bos pertama aku dulu adalah seorang yang akan cakap 'boleh' kepada semua perkara.

Orang datang dekat kau nak kerja, 'yup boleh. Yup boleh, yup boleh,' sampai ke sudah pun 'yup boleh'. Pernah ada satu job yang sepanjang hidup tak pernah buat pun, sanggup nak 'yup boleh' dan sanggup belajar software tertentu untuk buat kerja tu. Mungkin pernahlah sekali buat jenis kerja tu tapi itupun setakat kerja sekolah bukan untuk komersial.

Tapi, dalam hujung-hujung karier aku di sana, aku mula sedar yang perkataan 'boleh' ini adalah satu perkataan yang sangat bahaya dan bila dah sampai kepada satu tahap, perkataan ni boleh bawa kepada kejatuhan kau juga.

Begini, kalau kau bekerja di satu studio yang besar dengan jumlah staf yang ramai, itu tidak menjadi masalah. Tapi, kalau kau bekerja disebuah studio kecil yang jumlah staf tak lebih dari lima orang, susahlah untuk kau mengambil beberapa projek besar dalam satu masa, betul tak? Contoh mudah, seorang freelance designer seperti aku, berani dan patutkah aku untuk ambil 5-6 projek besar dalam satu bulan yang skop serta jalan masa kerjanya

adalah lebih kurang sama? Bayangkan 5 projek tu kick-off dalam minggu yang sama? Tengok liga bolasepak dunialah contohnya. Paling dekat pun antara satu match dan match seterusnya ialah tiga hari, betul? Bila ada 3 match straight dalam satu minggu, itu memang dah cukup 'ganas'. Sabtu ni liga, Rabu Champions League, Sabtu depan Cup pula. Tiga-tiga match ni pula kena travel. Lagi gila.

Kebarangkalian untuk salah satu atau paling teruk senarionya, kesemua projek-projek itu untuk kau flopkan adalah sangat tinggi. Gila nak tanggung projek besar banyak-banyak dalam satu masa? Team bolasepak tadi, dia ada ramai player. Kau freelance ada? Lagi teruk, dari kelima-lima projek yang kau sudah setuju tu, kau akhirnya berkeputusan untuk habiskan satu sahaja dulu (kemungkinan itu adalah projek yang paling lumayan), dan yang berbaki empat lagi, kau abaikan sekejap.

Kenapa lagi teruk macam tu? Kau jangan lupa bila jadi kes atas ni nanti akan ada satu fasa yang kau ignore phone calls, tak balas SMS/WhatsApp dan tak balas email yang berbondong-bondong masuk mencari kau. Yalah, kau dah decide nak concentrate dekat satu sahaja dulu, yang lagi empat tu ingat dia tak cari kau ke kalau kau berdiam diri saja. Semua ni, dah cukup untuk kau tinggalkan kesan nama yang buruk untuk diri kau sendiri.

Sebab itu aku kata perkataan 'boleh' atau 'ya' atau semudah anggukkan terpaksa yang diikuti dengan katakata, 'ok... bolehlah' adalah satu perkataan yang sangat bahaya. Percayalah! Sebab sekali kau sudah memberikan harapan yang kau bersetuju untuk jalankan atau sekadar 'tolongtolong' mereka (klien kau), susah untuk kau cakap tidak. Melainkan kalau mereka adalah seorang klien yang sangat-sangat memahami. Nak jumpa klien macam tu? Seribu tahun. Sekali seumur hidup, mungkin.

Apa Yang Susah Sangat Nak Tolak?

Cakap memang senang, apa yang susah sangatnya untuk kata tidak. Tolak sajalah apa susah. Lepas aku melepaskan diri dari cengkaman employer lama aku, bulan-bulan pertama bukanlah

satu tempoh masa yang mudah. Sebab masa tu aku kosong. Aku tak ada menang anugerah dapat duit puluh-puluh ribu ke apa, cuma ada beberapa RM dalam akaun yang cukup untuk aku bertahan sebulan atau lebih sikit, jadi, apa-apa sahaja peluang yang datang di hadapan aku ketika itu, aku akansambar tanpa fikir panjang. Situasi kau dalam satu-satu masa tu adalah penentuan samaada susah atau senang untuk kau kata tidak.

Darah muda juga antara faktor kenapa cakap 'tidak' tu susah. Semua perkara kau rasa kau nak. Mr know it all dan bila ada orang buat kerja, lain dari cara kau, kau akan salahkan orang tu cakap cara dia salah.

Memang pada awalnya kau akan rasa yang kau mampu untuk lakukan segala-galanya sendiri, tapi percayalah yang kau tak mampu. Kau tak akan mampu nak capai apa-apa kalau kau main tembak sahaja. Macam yang aku ceritakan dalam bab sebelum ini bahawa setiap perkara yang kau mahu lakukan, kau perlu ada rancangan. Buat langkah demi langkah. Kena ada strategi. Nak buat design guna Photoshop atau Illustrator pun kau kena tahu apa nak buat dulu, lepas tu apa dan kemudiannya apa. Dengan cara tu barulah tak akan ada kesilapan dan tak perlu untuk mula semula dari awal bila kau tersalah langkah nanti.

Cara aku mula untuk berkata tidak ialah aku sentiasa letakkan dalam kepala aku apa yang sedang aku jalan atau usahakan sekarang. Take control of everything. Ambil tahu, tapi bukan sekadar ambil tahu sahaja. Bila orang lain datang offer projek lumayan, kau terus lupa. Kalau ada orang datang kepada aku menawarkan projek, aku akan bertanya soalan-soalan yang berkait. Dengan cara aku bertanya soalan ni, fikiran aku tak mudah untuk melayang dan tertarik dengan tawaran kerja yang diberikan sebab jawapan-jawapan yang mereka beri akan buat otak aku berfikir. Perjumpaan pertamaadalah key kepada keberterusan satu-satu projek tu. Kalau potential client kau setakat kawan-kawan lama, mungkin tak ada masalah. Tapi, kalau orang yang memang kau tak pernah jumpa dan tak pernah tahu cara kerja mereka? Susah kalau nak terus jump into the ship membabi buta.

Ingat tak cerita aku dalam chapter 8, . (noktah) awal-awal tadi? Cerita tentang client from hell itulah. Projek tu sangat

baru. Awal tahun ni (2015). Perjumpaan pertama aku, aku boleh katakan dari scale 1-10, aku bagi 6. Agak baik dan harapan aku boleh diperbaiki. Tapi perjumpaan pertama dengan mereka tak cukup untuk aku tentukan samaada aku boleh terima cara kerja mereka atau tidak. Kebetulan, mereka berikan aku assignment, jadi dari situ persepsi serta bacaan aku tentang mereka jadi lebih jelas.

Kesimpulannya, aku berkata tidak selapas perjumpaan ketiga. Perjumpaan kedua dan ketiga berlaku dalam hari yang sama untuk refresh pengetahuan kau. Proses untuk menolak projek tu mudah sebab aku ada dua lagi experience creative player untuk berikan pendapat mereka. Cara aku guna, senang. Bahkan, inilah medium yang paling banyak aku gunakan dalam komunikasi antara klien-klien tentang perihal kerja; emel. Petang selepas perjumpaan ketiga, sudah pulang ke rumah, sambil-sambil berbincang dengan rakan-rakan lain melalui WhatsApp, it's an unanimous decision. Rezeki kami di tempat lain. Tapi kau kena ingat. Kau kena anggap kerjaya kau adalah kerjaya yang profesional. Bila kau jadikan diri kau sendiri seorang yang profesional, dengan cara itu barulah orang lain juga akan layan kau sebagai seorang yang profesional.

Ini emel aku kepada mereka;

Salam and very good day,

First of all, on behalf of DK Design Bureau and our associates at Oblind.com and Dipped Films, I would like to express our gratitude for having the opportunity to meet and position ourselves to the KLIHF secretariat.

However, after further internal discussions and meetings, it has come to our interest that it would best to benefit both us and KLIHF secretariat that we are to take a stand of withdrawing from the event. We felt that, the amount of commitment and quality that KLIHF desire from us is something that we are far from able to provide.

Again, we express our gratitude of giving the opportunity in a highly manner. Should there come one day where our path would meet again, we hope there will be a better situation for both of us. All the best for KLIHF 2015 in Brunei and Kuala Lumpur.

Wassalam and thank you.

Walaupun dalam hati terasa sakit melayan pelbagai karenah manusia, tapi bila berurusan secara rasmi, profesionalisma itu paling penting. Walau dengan grammar aku yang berterabur, aku cuba sedaya upaya aku untuk sound great. Extra credit, sekarang, perkara jadi lebih mudah sebab aku sudah berkahwin. Isteri aku habis kerja dalam jam 5-6 petang. 7 malam maksimum. Jadi, dengan itu aku tahu bahawa selepas jam tersebut aku kena melekat dekat rumah. (Mithali katanya!) Jadi, bila ada orang datang dekat aku minta aku commit kerja untuk tempoh masa seminggu maksimum, kena melekat dekat studio sampai bos balik, buat sampai siap, aku dah tahu yang aku tak boleh nak beri komitmen sedemikian sebab aku ada komitmen lain di rumah.

Satu masa dulu mungkin boleh, tapi tidak lagi sekarang. Lagipun, bila masa berlalu dan cara pemikiran aku mula matang (yolah) atau kedudukan ekonomi kau nanti sudah sedikit baik, dah ada flow income tetap, automatik mata akan mula terbuka dan fikiran kau berubah. Experience matures you. Kau akan nampak yang sebenarnya peluang ada di mana-mana, cuma tinggal untuk kau fikirkan cara bagaimana untuk mendapatkannya.

Cubalah sekali-sekala, saying no for a change. Dengan syarat, kau seorang freelance designer atau buat kerja freelance. Kalau kau kerja nine to five dan kau cakap 'tidak' dekat bos kau yang suruh kau buat design untuk projek baru, tak pasal-pasal nanti aku pula yang dapat hate letter sebab ajar kau suruh cakap 'tidak' dekat kerja. Itu pun kalau buku ni jadi bestseller ramai orang baca.



**TfL doesn't make a profit
because we reinvest all
our income to run and
improve your services**

To find out how the money is spent
visit tfl.gov.uk/reinvestment



**TRANSPORT
FOR LONDON**
GOVT. OWNED COMPANY

MAYOR OF LONDON

Travel the World

Aku nak cerita tentang satu perkara yang mengubah persepsi aku terhadap dunia. Mungkin tidak mengubah secara keseluruhan tapi lebih kepada memberi inspirasi dekat aku bahawa sentiasa ada sesuatu dalam dunia ini yang boleh kau buat. Ada tengok dan teliti gambar kulit buku aku ni? Aku bukan nak bangga ke apa, tapi tahulah bahawa setiap inci dalam buku ini adalah hasil kerja tangan aku, setiap ayat penulisan adalah ayat aku, tak ada guna ghost writer whatsoever, setiap artwork atau fotografi yang ada dalam buku ini adalah hasil kerja aku juga melainkan ada aku sebut itu hasil kerja bersama dengan sesiapa. Bahkan, layout buku ni pun aku buat sendiri saja, bro!

Jadi bolehlah declare, buku ini adalah 99% hasil kerja aku. Ya, sebab aku gila kuasa dan nak jaga kesucian buku ni, kahkah. Percetakan nanti bukan kerja akulah kot—kerja printer atau penerbit. Atau spot-spot iklan yang mungkin aku akan jual dalam buku ni nanti, kalau ada. Tapi itulah, orang suka ads free item. Dilema menulis dan menerbit buku sendiri.

Baik, berbalik kepada cerita aku tadi.

Gambar kulit buku. Ada banyak gambar yang aku letakkan dalam buku ini supaya sesetengah daripada kau yang tak suka banyak sangat teks yang akan membosankan, jadi aku sediakan visual. Sekarang aku nak cerita sikit pasal gambar kulit buku. Ada sesiapa nak teka dimanakah gambar itu diambil? Kalau

Menara Kembar



kau rasa kau tahu, simpan jawapan tu dalam hati dan bila kau dah habis baca bab ini nanti, kalau jawapan kau betul, bersoraklah kegembiraan kerana buat pertama kalinya dalam hidup kau, you know something that most other people might not know. Maafiah aku tak sediakan hadiah sebab terus-terang aku katakan, aku nak terbitkan buku ini pun aku tak berapa pasti lagi bagaimana, jadi faham-faham sahajalah. Tapi kalau kau nak, kau boleh minta tandatangan aku.

Baiklah, gambar kulit buku.

Ya kalau jawapan yang kau ada ialah sebuah tempat yang bukan dalam Malaysia, tahniah aku ucapkan, kau sudah semakin hampir kepada kemenangan kerana gambar itu diambil di sebuah negara yang boleh aku katakan jauh berbeza dengan negara Malaysia. Beza di sini adalah dari banyak segi juga. Paling ketara ialah perbezaan dari segi sudut geografi dan iklimnya. Kalau Malaysia di garisan Khatulistiwa, negara tersebut...umm, aku pun tak berapa pasti sebenarnya garisan apa.

Ok, aku bukan nak cerita sangat pasal geografi tapi ada perkara lain yang lebih penting. Kembara ke dunia yang selain daripada dunia kau adalah suatu perkara yang sangat penting dalam hidup. Sebab dengan cara ini kau dapat belajar banyak perkara. Antara yang paling ketara, sudah tentulah budaya mereka. Budaya bagi aku tidak tertakluk seperti budaya masyarakat Melayu, Cina atau India semata-mata. Ini contoh dalam konteks Malaysia. Budaya bagi aku adalah lebih dari sekadar pakaian tradisional, makanan tradisional dan apa-apa perkara tradisional yang lain. Maksud aku dengan konteks budaya yang lebih luas ini adalah dengan sekecil-kecil perkara seperti contoh budaya masyarakat satu-satu kawasan itu memandu kereta di atas jalanraya. Atau budaya tolong-menolong orang asing di tepi jalan. Atau budaya kebebasan untuk bersuara. Atau budaya menjaga kebersihan tandas—yes, that's a good one. Atau apa-apa budaya-budaya kecil seperti ini.

Maafiah kalau apa yang akan aku ceritakan di sini mungkin kelihatan seperti monyet yang kepanasan dapat bunga dan sebagainya. Tapi, negara ini boleh kira negara luar pertama

yang aku pergi yang perbezaannya agak ketara dari negara sendiri, Malaysia. Jadi, sila layankan sahaja apa yang aku nak ceritakan.

Baik. Hari pertama aku menjejakkan kaki keluar dari lapangan terbang antarabangsa negara ini, aku dah terkesima. Culture shock dengan cuaca yang sejuk. Walaupun tidak bersalji, tapi kesejukannya sangat membuatkan aku jadi manusia yang paling—tak terkata. Salah satu perkara yang paling aku tertarik bila berada di negara itu ialah dari segi visual design mereka. Kata pun buku pasal design, takkanlah tak cerita pasal design pula. Aku mungkin berbunyi sedikit terlalu membesar-besarkan negara orang, tapi hakikatnya ini adalah apa yang aku nampak dan perhati sendiri. Kalau kau ingat apa yang aku nampak adalah setakat kafe-kafe yang cool (sebab Malaysia pun ada) atau creative advertising jenama-jenama tertentu, kau sudah silap. Sebabnya, visual design yang aku nampak tu datang dari local government mereka sendiri. Bayangkan sebuah Town Council nampak seperti sebuah syarikat korporat yang sangat menjaga branding mereka sendiri. Itu adalah perkara yang sangat menarik perhatian aku. Perkara-perkara yang berkait terus dengan bandar dan negara mereka sendiri seperti city guide terutamanya, mereka jaga sebaik habis mungkin dari segi informasi dan visualnya.

Tapi, untuk berlaku adil, kau dan aku sebagai manusia bila nampak sesuatu yang tak biasa dilihat, sifat kagum itu memang akan datang dengan sendirinya. Kan? Aku rasa kalau tourist datang Malaysia pun, dia akan kagum akan satu-satu hal yang tak ada dekat negara dia tapi ada dekat Malaysia.

Banyak lagi perkara-perkara kecil lain yang boleh untuk aku senaraikan. Tapi kalau aku nak cerita kesemuanya secara terperinci, aku rasa bab ini sahaja bakal mengambil separuh daripada keseluruhan buku ini. Jadi, aku simpulkan sahaja semuanya serentak. Sebenarnya, apa yang buatkan satu-satu negara itu maju bukanlah setakat diukur pada kemajuan infrastrukturnya sematamata. Bayangkan kalau infrastrukturnya tip top, world class infrastructure siap menang recognition award dan sebagainya, tapi dalam masa yang sama, para pengguna (aku dan kaulah ni) yang menggunakan infrastruktur itu tidak mempunyai mentaliti yang sama dengan tahap kemajuan infrastrukturnya, berapa banyak

sangatlah kegunaan infrastruktur itu boleh digunakan sebaik mungkin. Contoh.

Contoh paling mudah ialah lampu isyarat. Bukan lampu isyarat kereta dekat simpang tiga, empat tu, tapi lampu isyarat untuk pejalan kaki. Ambil contoh lampu isyarat pejalan kaki antara IKEA dan The Curve sana. Tutup mata dan bayangkan kau seorang pemandu kereta, kemudian kau bayangkan juga kau seorang pejalan kaki. Nampak tak? Lampu isyarat kereta tengah merah dia pergi jalan sebab pelintas seorang saja. Yang pejalan kaki pula, mungkin dia tak nampak lampu isyarat merah sebab tinggi sangat kot tiang tu. Kalau apa yang aku ceritakan ni kau tak nampak apa kaitannya secara langsung dengan buku ni--tadi cerita pasal design, tibatiba masuk cerita mentaliti, lampu isyarat pejalan kaki apa bagai, apahal?--tak apa. Aku pun kadang-kadang tak pasti juga.

Tapi, kaitannya boleh jadi sangat tinggi. Sekarang kau tak berapa nak nampak dan aku rasa kalau aku bercerita lebat sekali pun, agak susah juga untuk aku menampakkan kau the bigger picture. Tapi percayalah, kaitannya memang ada cuma aku susah untuk ceritakan dengan lebih terperinci. Ya, percayalah sebagaimana menteri-menteri kata yang GST akan turunkan harga, kau percaya sajalah. Baiklah, untuk memudahkan bicara dan menyimpulkan apa yang longgar, beginilah. Kau dan aku sebagai manusia, hidup atas muka bumi Allah ni dengan pelbagai perkara yang kita lalui dalam kehidupan seharian. Dari sekecil-kecil perkara sampailah kepada sebesar-besar perkara. Sebagai manusia, apakah orang akan menilai kita hanya dengan perkara-perkara yang tertentu semata-mata ataupun secara keseluruhan?

Kalau manusia itu hatinya baik, hingga ke perkara sekecil-kecilnya pun orang itu akan cuba buat yang terbaik. Sebagai contoh, tidak membuang sampah merata-rata. Atas jalanraya bila kau berhenti dekat lampu isyarat merah, tergamakkah untuk kau turunkan tingkap kereta dah campak tin milo ke tengah-tengah jalan kalau dari kecil kau dididik untuk menjaga kebersihan? Ini maksud aku. Mentaliti kau mengubah segala-galanya. Kalau kau cuma berharap untuk government berubah kepada sesuatu yang lebih baik tapi dalam masa yang sama kau lakukan perkara yang opposite dengan perkara yang kau canang-canangkan untuk government

A black and white aerial photograph of Kuala Lumpur, Malaysia. The foreground is filled with a dense urban landscape, featuring numerous high-rise buildings and skyscrapers. A prominent highway with multiple lanes and overpasses cuts through the city. In the background, the city gives way to rolling hills and mountains under a vast sky filled with large, fluffy clouds. The overall scene captures the sprawling nature of the city and its integration with the surrounding natural environment.

Langit Kuala Lumpur

ubah, tak guna juga. Kalau government dah buat apa yang kau nak mereka buat, tapi lepas tu kau tidak menyokong dengan ‘melawan’ balik tindakan mereka, apakah satu-satu perubahan itu akan betul-betul berlaku dan bermakna?

Jadi, untuk mengaitkan topik ini kepada design ialah kalau kau seorang penjual produk sebagai contohnya, apakah kau akan cuba sedaya upaya untuk menjayakan produk jualan kau itu atau kau akan sekadar buat ala kadar. Kata orang, asal ado sudahlah. Kau ada produk, letak nama yang geli-geli sikit, senaraikan segala kebaikan produk sekurang-kurangnya 20 poin, letak segala info-info apa yang perlu, nombor telefon, alamat surat-menyurat, alamat emel, nombor telefon pejabat, nombor telefon handphone, nombor telefon fax, Facebook, Twitter, Instagram, dan sumbatkan semua perkara ni dalam satu sticker bulat bersaiz lebih kurang syiling lima puluh sen lama dan tampal atas produk. Siap! #Sarkastikdanmacamtakadakaitan atau mungkin #SangatDeep.

Cumanya dekat Malaysia ni pada pandangan aku, mentaliti design itu perlu diubah both ways. Sebab cerita yang konon-konon berkaitan dengan design dekat atas ni tadi, dalam dua-dua golongan masih ada mentaliti sebegitu rupa. Government and the people, yes. Government and opposition, yes too.

Nota kaki. Aku tahu kau tengah pelik sekarang. Itupun kalau kau beri tumpuan penuh kepada bab ni. Kalau kau tak bagi tumpuan, baca semula dah tengok sendiri. Tapi kalau kau dah pelik, kau tengok cover dan terpinga-pinga apa yang Australia-sangat gambar tu, aku mohon maaf sebab cover awal dah melalui beberapa proses saringan dan akhirnya apa yang berlaku, cover sekarang menjadi cover yang final. Kalau kau nak tengok gambar asal yang aku guna untuk cover, kau boleh pergi mukasurat paling akhir. Terima kasih.

Jawapan—Coogee Beach, Australia.

Dah Berjaya Sangat Ke, Siap Tulis Buku?

Tahun 2011.

Aku baru sahaja meletakkan jawatan aku sebagai seorang designer di salah sebuah lokal design studio berpusat di Putra Heights. Hampir setahun aku di sana, sudah cukup untuk aku mencapai tahap boiling point aku sendiri. Bekerja bagaikan hidup selamanya, tapi gaji tak nak bayar dengan alasan bahawa aku ada buat part-time kerja fotografi yang dia sendiri forwardkan nama aku dekat klien-klien tertentu. Jadi, in his argument of logic, secara tidak langsung dia bayarlah juga gaji aku, melalui orang lain. Kalau macam tu, baik aku kerja freelance.

Hari pertama menganggur, udara terasa segar. Kalau sebelum ni udaranya terasa berat dan kotor, penuh dengan gas-gas yang boleh mematikan sel, hari ini terasa seperti berada di puncak Gunung Kinabalu walaupun aku tak pernah jejak ke Gunung Kinabalu lagi. Namun, dalam masa yang sama, fikiran aku masih terngiang-ngiang lagi kesakitan yang aku rasai sepanjang setahun lalu. Teringat aku pada saat penghujung jalan itu.

Semalam, baru sahaja tamat projek terakhir aku bersama studio yang tak reti bayar gaji. Dalam projek ini juga, aku dan kawan aku diberi tanggungjawab untuk menjadi fotografi rasmi. Oklah, boleh generate extra side income. Sebagai 'orang baru' dalam industri, ditambah lagi dengan usia yang masih muda, aku tahu memang ada ramai manusia yang suka untuk mengambil kesempatan. Jenis yang guna cara keras dan cakap kasar, memang akan cepat terasa sakitnya

tu di sini (hati). Bisikan dalam hati, kau apahal nak ambil kesempatan guna aku ni? Aku kerja untuk kau ke masalahnya? Setakat dalam hati sajalah. Budak muda, kalau melawan nanti, dikatakan tak hormat orang tua pula. Jenis yang begini, mudah untuk dikenalpasti.

Tapi yang menjadi masalah besarnya, bila diri tak sedar sedang diperguna sesuka hati. Jenis yang pandai berkata-kata. Cakap lembut. Eh bro, aku nak minta tolong sikit. Tolong buat macam ni boleh tak? Tapi, dia masih tahu untuk jangan go overboard, nanti orang yang diperguna tu boleh perasan pula. Jadi minta tolong perkara-perkara kecil dulu. Dah lama-lama sikit nanti, minta pula small favour tapi besar. Macam pergi Astro hantarkan tape video advert nak keluar malam nanti.

Saat hari pertama event itu dibuka kepada umum, fikiran aku sudah tidak boleh fokus lagi. Bahkan seminggu dua sebelum itu pun aku sudah mula tawar hati. Beberapa hari sebelum event bermula, aku mengarang emel kepada dia. Cukup-cukup sudah apa yang terjadi kepada aku. Tiba masa untuk berhenti dan teruskan hidup.

Cerita atas ni, sejarah permulaan kerjaya aku sebagai seorang designer. Banyak sebenarnya kisah yang lebih kurang sama begini yang melibatkan gaji atau bayaran. Kalau bekerja dalam small studio agency contohnya, dengan gaji yang tetap kau akan di-overworkkan dengan kerja-kerja yang bertimbun tak setimpal gaji. Sampaikan tak ada masa untuk 'hidup'. Kalau kau seorang freelance pula, samada payment lambat atau klien mengeksploitasi kau dan akhirnya kau tak dibayar langsung dengan alasan servis kau tak diperlukan lagi. Sedangkan kerja sudah separuh jalan dan tiba-tiba dua bulan kemudian, keluar dalam media.

Blink! Mata aku terbuka. Bilik gelap. Aku masih terbaring di atas comforter terlentang di lantai. Mata aku memerhatikan kipas siling yang berpusing. Bahang. Terbisik dalam hati aku, pukul berapa dah ni? Aku toleh ke kiri. Laptop aku terduduk di atas meja sila. Skrin gelap. Sleep mode. Sambil tangan meraba-raba mencari Blackberry 3 aku. Mana pula kau pergi ni—ok dah jumpa. Tersorok bawah bantal. Aku tekan butang tengah. Skrin Blackberry 3 menyala, 2.45 Pagi.

Ya Allah, dari lepas Maghrib tadi aku terlelap. Ini dah bukan

kira terlelap lagi dah ni. Sambil kaki aku mengesot-esot comforter, tiba-tiba, PANG!, aku terlanggar sesuatu. Aduh, makanan terbuka tadi ada lagi belum habis. Tolonglah jangan tumpah. Sejuusnya, aku bangun dari pembaringan lalu duduk bersila. Jari aku menggerak-gerakkan mouse dan skrin laptop aku menyala. Pinggan yang aku tersepak tadi terkeluar dari landasan. Ayam goreng di dalamnya sudah lena terbaring di atas lantai. Dengan pantas aku angkat.

Astaghfirullahal'azim.

Perkara pertama yang aku lakukan ialah periksa emel. Dua emel dari klien untuk projek yang sedang aku kerjakan sekarang. Dah bagi feedback. Nantilah aku baca. Tak ada mood. Baik aku basuh muka, ambil wudhuk, solat Isya' dulu.

Menariknya freelance ni ialah hidup kau go with the flow. Tak ada apa-apa ikatan yang buat kau tak tenteram dengan panggilan dari bos tengah-tengah malam suruh datang studio. Kalau ada pun dari klien sahaja. Klien pun bergantung juga klien yang macamana. Menariknya, banyak dalam bentuk masa. Masa kau, kau sendiri yang aturkan. Kau tetapkan waktu kerja kau dan kau sendiri jugalah yang tetapkan waktu rehat kau. Kalau dulu nak pergi tengok filem terbaru yang keluar dekat wayang, kau perlu berebut tiket seat dengan masyarakat lain hari hujung minggu, sekarang, kau boleh ke wayang hari Isnin, pukul 11 pagi pun tak ada hal.

Eleh, aku boleh minta cuti hari Isnin-lah kalau aku nak.

Oh, minta cuti? Setahun berapa hari cuti kau ada? 14 hari? 20 hari? Aku tak ada kuota hari cuti. Aku nak cuti sebulan tak perlu kerja pun boleh. Apa ada hal! Tapi, kelebihan freelance ini jugalah kekurangan dia. Kau jangan buat main-main. Kekurangan ini, kau cuma boleh atasi dengan satu perkara. Kalau satu perkara ni kau boleh tetapkan dalam diri kau sekuat-kuat dan sekukuh-kukuhnya, maka, teruskanlah ber-freelance.

Itulah dia—disiplin. Banyak perkara yang disiplin ni boleh diterapkan dalam proses kau untuk ber-freelance. Tapi, aku cuma mahu tekankan kepada satu perkara dan perkara ini akan ripple effect kepada perkara-perkara lain juga. Kalau kau boleh

disiplinkan diri dalam perkara ini, maka perkaraperkara lain boleh datang mudah buat diri kau. Apa dia? Disiplin dalam masa. Macam contoh aku sebut tadi. Seorang freelancer boleh pergi tengok wayang waktu hari minggu. Bahkan, kalau nak pergi tengok wayang tiap-tiap hari minggu pun tak ada hal, bro! Kau nak tengok wayang sehari tiga filem untuk lima hari berterusan pun boleh, tak ada hal punya.

Tapi, tunggulah tiba masanya nanti bila kau dah kehabisan duit untuk teruskan kehidupan. Kalau kau pula seorang freelancer yang dah berkeluarga, maka ber-pasir gulai lemaklah kau bulan ni. Kenapa masa? Sebab masa adalah segala-galanya. Macam dalam filem Interstellar, Christopher Nolan letakkan kunci kepada filem dia ialah masa. Bahkan, Allah pun ada sebut secara jelas tentang masa.

“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali mereka beriman dan beramal soleh. Dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran, dan berpesan-pesan dengan kesabaran.” — Surah al-Asr

Masa untuk kau bahagikan antara yang priority dan less priority. Sebab masa ni bukan perkara yang kau boleh ganti balik bila kau dah hilang. Bukan macam duit bila habis, kau boleh cari balik. Ganti balik duit-duit yang kau dah habis selama ni. Tapi, bukan masa, bro. Kalau kau tanya aku, apa perkara yang aku menyesal dan kalau boleh tebus, aku nak tebus balik? Aku nak balik masamasa aku yang dulu aku habiskan buat perkara yang tak perlu buat. Macam contoh, masa yang aku patut buat kerja, aku tengok movie download torrent. Masa tidur, aku pergi main game sampai pagi buta, lepas tu esok pagi mengantuk, nak drive pergi kerja pun tak larat. Jadi, priority and less priority.

Pembahagian masa adalah antara konteks dalam disiplin masa juga. Kau ada kerja nak disiapkan dan ada movie baru yang dah habis download. Mana satu yang perlu kau buat dulu? Kalau ikutkan nafsu, memang tak nak buat kerjalah kan. Layan movie dulu baru sedap. Ingat, kalau kau sekarang dah bekerja, freelance

terutamanya, masa sekarang dah tak sama macam masa kau student dulu. Dulu kau ada duit scholar, duit PTPTN atau duit mak ayah kau untuk kau habiskan. Sekarang, mana ada lagi bro! Kalau kau ada simpanan duit PTPTN dulu, oklah. Tapi berapa lama sangat boleh bertahan?

Ya, aku mengaku bahawa perkara ini adalah perkara yang sangat susah untuk dilakukan. Aku yang dah lima tahun freelance, dan ada tanggungan isteri, kadangkadang hanyut juga dengan arus duniawi, gitu. Lagi terbaik, nak sedapkan hati, aku pun cakap, tak apalah kot, haritu dah kerja keras, harini relax kejap, esoksambung kerja keras balik. Itu hasutan syaiton. Kalau iman kuat, lari jauh-jauh. Cepat!

Oh Freelance?

Freelance ni luas skop dia. Semua kerja atas dunia ni ada cabang freelance dia. Freelance accountant, doktor, engineer, semua ada. Abah aku engineer. Dia pun sekarang dah freelancer. Tapi dia upgrade sikit tak guna nama freelance, guna nama consultant. Ikut pemahaman aku, freelance ni kerja sendiri, masa sendiri. Ok, taktirikan kamus Bahasa Inggeris pun bunyi dia macam ni;

*Self employed and hired to
work for different companies
on particular assignments.*

Jadi, untuk kes aku, aku seorang freelance designer. Khususnya, seorang freelance graphic designer. Apa yang kau faham tentang grafik, itulah apa yang aku buat. Aku buat grafik. Mudah dia macam nilah. Sebelum tu, maaflah kalau perkara ni membosankan kau, tapi aku kena cerita sebab memang ramai orang tanya. Mudahnya begini. Kau pergi mana-mana kedai, kau tengok barang-barang yang ada dalam tu. Kalau pergi kedai buku, kau tengok majalah. Pernah tak terfikir siapa yang buat cover majalah ni jadi macam ni. Susun layout, siapa punya kerja? Kalau ada gambar model, fotograferlah kot yang ambil, kan? Kalau kau

pergi wayang, poster movie Hunger Games, apa cerita dia, apa proses dia agaknya? Ada teks, teks pula ada font type ni, dari mana datang. Cari Dafont.com tak jumpa. Gambarni, background berapi, takkan photoshoot dalam api, tak panas ke? Kalau poster gambar orang jatuh langit tu, dia pergi skydive ke nak shoot macam tu? Pernah tak kau terfikir cerita di sebalik setiap perkara grafik yang kau lihat? Kalau tak pernah dan kalau susah sangat penerangan aku;

A graphic designer simply makes things better.

Ini aku ambil dari Wikipedia:

A graphic designer is a profession within the graphic design industry who assembles together images, typography, to create a piece of design. A graphic designer creates the graphics for published, printed or electronic media and advertising. They are also responsible for typesetting, illustration and user interfaces. A core responsibility of the designer's job is to present information in a way that is both accessible and memorable.

Noktah.

Ini merupakan bab terakhir kepada perjalanan buku pertama aku. Ya, buku pertama aku sebab nanti ada kedua, ketiga dan seterusnya. Kalau kau boleh tengok folder penulisan aku, dalam itu dah ada empat draf buku sebenarnya. Gigih!

Kenapa bab terakhir? Sebab aku rasa kau pun pasti sudah bosan dengan segala apa cerita yang sudah aku ceritakan setakat ini. Mengaku sajalah. Tak? Tak mungkin..sebab kebarangkalian untuk buku aku ini menjadi satu buku bestseller adalah sangat tipis. Tapi, adakah aku akan betul-betul tahu yang buku aku tidak akan masuk senarai bestseller? Aku tak pasti. Mungkin satu hari nanti bila buku ini diterbitkan, aku akan dapat jawapan kepada persoalan aku itu. Tapi, kalau kau tanya aku apa hati aku kata, aku rasa jawapannya bukanlah sesuatu yang memberangsangkan. Aku rasa buku ini bakal menjadi salah satu buku paling flop atas dunia.

Ya, itu adalah hakikat yang mungkin ada betulnya. Yalah, siapa yang suka baca buku yang isinya ala-ala biografi seorang manusia yang entah siapa pun atas muka bumi ini, bukan? Facebook friends pun setakat 300 orang sahaja, macamlah ramai sangat orang yang kenal aku. Kalau buku David Beckham ke, Thierry Henry ke atau Evolution of a Muslim Democrat ke, syoklah juga. Tapi, sepertimana yang telah aku katakan pada awal-awal mukaddimah buku ini tadi bahawa aku hanyalah seorang manusia biasa yang masih merangkak-rangkak mencari kaki untuk cuba tegak berdiri sendiri, aku bukannya ada killer inspiring story. Tahap kejayaan pun tak boleh nak kira 'berjaya' lagi. Buku ini sebenarnya adalah cerita tentang seorang manusia yang paling biasa yang kau pernah baca. Tak kisahlah apa pendapat kau, tapi kalau kau rasa kau bakal dan telah pun dapat sesuatu dari buku ini, syabas aku ucapkan. Kau adalah antara manusia yang berjaya mendapat sesuatu daripada

sesuatu yang tak ada apaapa nilai sangat sebenarnya dalam pasaran dunia (merendah diri).

(Ambil nafas dan bagi satu keluhan panjang.)

And here we go. Kadang-kadang bukan sesiapa inilah yang sepatutnya memberikan kau harapan serta satu semangat yang lain macam untuk kau terus berani dan teguh menghadapidunia yang saban hari makin sukar ni. Sebab kau, have nothing to lose. Ya, aku bercakap dengan nada yang sangat serius. Kau tak ada apa-apa untuk kau takut untuk hilang kalau kau memberanikan diri untuk melakukan sesuatu yang di luar jangkauan kau sendiri. Pertama sekali, jangan pergi terlalu jauh sehingga kau meninggalkan apa yang kau sudah ada sekarang. Berhenti kerja dalam notis 24 jam tanpa sebarang perancangan teliti adalah satu tindakan yang bukan sahaja berani tapi juga gila. Kau nak bagi anak isteri kau makan apa nanti? Sebab itu pernah aku katakan awal-awal dalam salah satu bab dalam buku ini tadi bahawa untuk kau pergi dengan apa jua idea yang kau ada, adalah perlu seiring dengan perancangan yang rapi. Tapi bila sekali kau sudah ada satu set lengkap idea dan strategi, masa itu, pergilah sejauh-jauhnya. Kau juga perlu ingat yang perjalanan kemudiannya itu tidak akan menjadi senang.

Designer Yang Merubah Dunia

Ingatlah bahawa menjadi seorang designer bukan sematamata menjadi seorang designer sahaja. Satu masa dulu, aku juga pernah meletakkan perspektif bahawa aku sebagai seorang designer adalah perkara yang biasa dan tak memberi apa-apa faedah pun kepada orang lain. Itu pada satu ketika yang aku rasakan aku sudah kecewa dengan negara dan isinya. Lowest point in life jugalah kot.

Tapi hakikatnya, menjadi seorang yang kreatif adalah segala-galanya kalau kau meletakkan diri kau dalam perspektif yang betul. Aku tidak menunjukan buku ini khusus kepada designer atau sesiapa yang berada di dalamindustri kreatif sahaja. Kalau kau seorang doktor atau engineer dan kau berfikiran kreatif, buku

ini juga adalah untuk kau. Kreatif bukan semata-mata tahu untuk menjadikan sesuatu itu cantik sahaja. Aku kenal dengan orang yang langsung tidak reti untuk menggunakan Photoshop atau Illustrator atau langsung tidak tahu menahu tentang komposisi, rule of third dan sebagainya, tapi mereka ada satu aset penting iaitu otak mereka. Otak mereka memikirkan idea tentang bagaimana untuk berstrategi dan sebagainya, dan mereka memberikan tugas visual kepada mereka yang lebih arif; kau dan aku, the designer.

Tapi sampai bila kau mahu jadi pekerja bawahan yang cuma menunggu arahan? Nampak bagaimana aku twist and turn dari awal-awal bab ini lagi? Kau dan aku sudah ada dua aset penting. Satu adalah otak yang mana mereka yang aku sebutkan di atas tadi pun ada. Dua, kau sudah tahu bagaimana untuk merealisasikan satu-satu idea itu kepada realiti. Kau tahu apa yang boleh dan apa yang tidak. Jadi, mengapa tidak kau juga melatih diri dan otak kau untuk menghasilkan serta memikirkan satu big idea.

Aku tahu dunia ini penuh risiko. Aku tahu kau takut untuk tinggalkan apa yang sudah kau ada sekarang. Aku juga pernah takut satu masa dulu dan apa yang membuatkan aku berani untuk terus pergi adalah kerana sudah banyak aku lihat designer biasa-biasa seperti kau dan aku yang mana mereka berani untuk pergi dengan segala idea yang mereka ada dan sekarang mereka sudah berada pada satu tahap yang walaupun tidak seluruh pelusuk dunia tahu tentang kewujudan mereka tapisekurang-kurangnya mereka sudah berada pada satu tahap yang kau dan aku sekarang cuma boleh bermimpi. Aku, di sudut bilik bersendirian kemudian tertanya-tanya, kenapa itu, bukannya aku?

Kalau apa yang terjawab dalam fikiran kau sekarang adalah jawapan seperti, 'aku belum bersedia' tahulah bahawa sampai bila-bila pun kau tak akan cukup bersedia kalau jawapan kau adalah sentiasa 'masih belum bersedia'. Apa maksud kau dengan belum bersedia? Belum cukup wang modal? Berapa? 10 ribu? Atau belum cukup lengkap strategi untuk idea? Rasa macam ada benda kurang dalam planning kau tu?

Berilah apa juga alasan belum bersedia yang kau dapat fikirkan, tapi tahulah satu perkara bahawa memang sampai bila-bila kau tak akan pernah bersedia. Sebab apa? Sebab dalam satu-satu

perkara yang kita rancang pasti akan ada satu-dua perkara kecil yang tak akan cukup. Perkara itu memang akan ada dan tak kira berapa lama pun kau tunggu untuk bersedia, pasti akan ada pula perkara lain yang tak cukup pula esoknya. Cerita babak ini akan terus berpusing dan berpusing dan berpusing.

Ibarat kau mahu mengembara keliling dunia. Kau bermula dari satu negara, tapi kau tak pasti di mana dan bila kau akan berakhir. Boleh jadi ambil masa seminggu sahaja. Tapi kalau berlarutan sebulan atau kalau setahun pula bagaimana? Jadi, paling kurang yang kau perlu sediakan adalah peralatan-peralatan yang asas sahaja dahulu. Mungkin pack baju untuk seminggu. Negara pertama, Eropah. Musim sejuk, jadi perlu bajusejuk. Janji, perjalanan kau sudah bermula dan dari situ satu-satu perkara baru atau yang lebih baik lagi boleh kau perolehi dikemudian hari.

Macam kau sambung pelajaran ke Warwick untuk empat tahunlah. Ada kau bawa baju yang cukup untuk empat tahun? Stok sambal belacan, stok cili pes, budu, cukup untuk stok empat tahun ke? Tak, kan? Buat permulaan cukup untuk dalam satu-satu keadaan. Ada satu baju sejuk bila winter. Baju-baju pakai harian, stok seminggu dua atau banyak mana boleh muat beg. Lepas tu, kau teruskan pula hidup dengan apa yang ada di negara asing. Tempoh beberapa bulan pertama adalah tempoh adjustment dengan persekitaran baru. Dari situ, kau bina survival instinct kau. Lama-lama, seasing mana pun persekitaran baru, akan jadi biasa juga.

Masa aku berhenti kerja nine-to-five dan mula untuk bersendirian dulu pun, aku tak ada perancangan serta strategi yang sangat teliti. Apa yang aku ada pada ketika itu ialah satu idea dan nekad dalam hati yang aku mahu berhenti dan bekerja sendiri. Ada masanya aku berada pada kedudukan paling bawah yang boleh untuk kau bayangkan. Tapi itu bukanlah penghalang yang membuatkan aku dengan mudah untuk putus asa. Apa guna keputusan yang sudah aku ambil awal-awal dulu untuk berhenti kerja kalau baru setakat terjatuh sekali aku dah putus asa!

Adilakah untuk aku yang berani pada masa dulu?

#CeritaBudakDesign #HabisDah #GempakTak

Autograf & Tulis Cerita Kau Sendiri

Tunggu apa lagi? Tulislah! Atau buat
jadi sign autograf aku pun boleh.

Penghujung.









PEDE



Si Budak Design

Aku mula tulis Cerita Budak Design sekitar 2013 dan berjaya diterbitkan oleh Kopi Press pada tahun 2015. Kopi Press pun dah takda sekarang ni (2026). Waktu buku ni diterbitkan, aku bekerja sebagai seorang Creative Designer dekat NGO National Oversight & Whistleblower (NOW)—diasaskan oleh Rafizi Ramli dan Akmal Nasir (mantan & Menteri Ekonomi dalam kerajaan Madani) yang berpusat di Sungai Besi. Secara atas kertasnya, aku bekerja tetap. Off the book, tiada strict nine-to-five, boleh ikut suka hati nak datang office atau tidak dan bekerja dari rumah adalah satu kewajipan. Living the dream, brother!

Aku juga terlibat dalam beberapa siri freelance project dari masa ke semasa. Saat buku ini mula ditulis, aku sedang sibuk dengan pementasan teater Supermukh the Muzikal yang berlangsung di Istana Budaya selepas Hari Raya Aidilfitri 1435H. Waktu buku ni ditulis, aku tak tahu bila buku ini boleh siap, diterbitkan dan mula dibaca oleh kau; kemungkinan besar kita dah menyambut Hari Raya 1438H atau mungkin 1440H. Atau mungkin PR dah menang Putrajaya—I wrote this like a joke back then, konon-konon nampak perlekeh Pakatan Rakyat but the fact is that, aku mula kerja dengan Rafizi Ramli dari November 2013. It was a creative decision that I made back then, kakhkah.

H. Benjamin pula bukan nama sebenar aku. Nama ni adalah karakter yang aku reka untuk siri-siri cerita pendek yang aku tulis dari zaman sekolah menengah. Jadi, adakah segala cerita dalam buku ini kisah benar ataupun hanyalah cerita rekaan? Kau fikir dan tentukanlah sendiri.

Yang Benar, H. Benjamin—a.k.a h d j k l m n o p q r s t.





Cerita Budak Design

Masa aku masih setahun jagung, bila cikgu mengajar atau bertanyakan soalan tentang subjek cita-cita di sekolah, jawapan yang aku beri mesti tak lari dari rakan-rakan sekelas lain. Kejap nak jadi doktor, kejap *firemen*, kadang-kadang ada nak jadi tentera. *Well, maybe once, I do answered that I wanted to be a Superhero.*

Menjadi seorang creative designer bukanlah sentiasa berada pada kedudukan teratas dalam list cita-cita aku. *To heck with it, I don't think that it was ever made the list. But somehow—benda tu menjadi realiti aku.* Macam yang orang-orang tua dulu kata atau ustaz-ustaz serta ustazah-ustazah biasa sebutkan, *things happen for a reason.* Dah lebih sepuluh tahun sejak aku tulis buku Cerita Budak Design dan sekarang, pada tahun 2026, kerjaya aku sebagai seorang Creative Designer dah lebih 16 tahun menghampiri dua abad. *I'd consider myself as more of a Creative Director now.*

Jadi, aku rasa takdir aku menjadi seorang designer sangat penuh dengan hikmah—*even till today.* Walaupun kadang-kadang, aku masih lagi terkeliru. Jadi, untuk aku hilangkan kekeliruan tu, aku tulis buku. Supaya, satu hari nanti bila aku terkeliru lagi, aku baca buku ni semula, boleh buat aku sedar bahawa satu masa dulu aku adalah seorang designer yang ada visi. Ataupun tidak. *Who cares?—well, I do.* Benda yang aku tulis atas ni dan segala isi dekat dalamnya, *still make sense. The world and industry have change a lot.* Tapi dalam masa yang sama ada banyak benda yang masih lagi masuk akal dan kekal sama, yang berbeza mungkin konteksnya sahaja. Kalau dulu orang gaduh pasal gear power; kerja akan power, sekarang orang gaduh pasal Artificial Intelligence (AI) membunuh kerjaya designer.

Sebabkan buku inilah, aku jadi graphic designer —*wanacong88, 2022*

Beli sebab nak faham POV seorang designer. Walaupun terbit 10 tahun lepas, mana-mana yang bermanfaat, kita gunakanlah jaman now 😊 —*hijbooks, 2026*

Fuhh, ni nak kena baca ni! —*faizrazakdesign, 2026*

I highly recommend this book. Its still ilmiah and banyak ibrah yang boleh di ambil. Definety worth it. This book is useful. —*eyqazq, 2016*